



MEMARTABATKAN BANGSA BERKEMAHIRAN melalui PERTANDINGAN



Copy Right © Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2013
First Published, 2013

Hak cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Aras 7-8, Blok D4, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 Putrajaya.

Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalty atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Memartabatkan Bangsa Berkemahiran Melalui Pertandingan

ISBN 978-967-0572-65-9

1. Pertandingan Kemahiran Malaysia.

2. Pembangunan Kemahiran Malaysia

Diterbitkan Oleh:

Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
Aras 7-8, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA
Tel: 03-8886 5000 Faks: 03-8889 2425

Dicetak Oleh:

Reka Cetak Sdn Bhd
No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D, Seksyen 16,
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5510 4254 / 4758 Faks: 03-5510 4059
www.rekacetak.com

Kandungan

	Muka Surat
Ucapan Aluan	6
Sekapur Sireh	7
Pengenalan	9
Senarai Akronim dan Abreviasi	12
Bab 1	
Tenaga Kerja Berkemahiran Penggerak Pembangunan Ekonomi Malaysia	13
Pembangunan Modal Insan Dan Tenaga Kerja Yang Berkemahiran	13
Kemahiran dan Teknologi Asas Kepada Peningkatan Produktiviti Negara	15
Transformasi Pendidikan Bagi Membangunkan Modal Insan Malaysia	17
Penutup	21
Bab 2	
Sistem Pengurusan Pertandingan Kemahiran	23
Pengenalan	23
Struktur Organisasi Pertandingan Kemahiran	24
Struktur Jawatankuasa Pringkat ASEAN <i>Skills Competition</i> (ASC) dan <i>World Skills Competition</i> (WSC)	27
Struktur Organisasi <i>World Skills Competition</i> (WSC)	30
Penutup	32

Muka Surat	
Bab 3	
Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM)	33
Pengenalan	33
Sejarah Pertandingan Kemahiran Malaysia	33
Pelaksanaan Pertandingan Kemahiran Malaysia	41
Isu dan Cabaran Pelaksanaan Pertandingan Kemahiran Malaysia	45
Penutup	48
Bab 4	
Pertandingan MySkills	49
Pengenalan	49
Merealisasikan Tenaga Pengajar Berkompetensi Melalui Pertandingan MySkills	49
Pelaksanaan Pertandingan MySkills Dengan Acuan JPK	51
Isu Dan Cabaran Dalam Pertandingan MySkills	57
Memperluaskan Pelaksanaan Pertandingan MySkills di ASEAN	59
Penutup	61
Bab 5	
Pertandingan Kemahiran Peringkat Serantau: ASEAN Skills Competition (ASC)	63
Sejarah Pertandingan Kemahiran ASEAN	63
Kepentingan Penyertaan Pertandingan Peringkat Serantau	64
Pengurusan ASEAN Skills Competition	65
Strategi dan Sasaran Untuk Memenangi Pingat Di ASC	67
Pencapaian Malaysia Dalam ASC	70
Isu Dan Cabaran Negara Dalam ASC	75
Testimoni Peserta ASC	77
Penutup	78

	Muka Surat
Bab 6	
Pertandingan Kemahiran Peringkat Dunia: <i>World Skills Competition</i> (WSC)	79
Sejarah Penganjuran <i>World Skills Competition</i>	79
Perlaksanaan <i>World Skills Competition</i>	81
Format Pertandingan WSC	82
Penyertaan Malaysia Dalam WSC	85
Pencapaian Malaysia Dalam WSC	85
Isu Dan Cabaran WSC	89
Penutup	92
Bab 7	
Strategi Malaysia Di Pentas Pertandingan Kemahiran Peringkat Antarabangsa	93
Pengenalan	93
Perubahan Jika Mahu Bergelar Juara di WSC	94
Strategi Malaysia Dalam Pertandingan Kemahiran Peringkat Antarabangsa	95
Pelan Tindakan Bagi Melahirkan Jaguh Dunia Dalam Kemahiran	101
Penutup	104
Bab 8	
Rumusan dan Kesimpulan	105
Rujukan	109
Indeks	111
Lampiran	112



Ucapan Aluan

Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Manusia

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia yang telah berjaya menghasilkan buku yang memperihalkan mengenai penganjuran dan penyertaan Malaysia di pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) merupakan pertandingan kemahiran yang dianjurkan secara bersama di antara Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) kepada golongan belia. Peserta yang berpotensi dan memenangi pingat di PKM akan berpeluang untuk mewakili negara di ASEAN Skills Competition (ASC) dan World Skills Competition (WSC). Manakala Pertandingan MySkills dianjurkan kepada tenaga pengajar di Malaysia. Penganjuran pertandingan kemahiran kini merupakan aktiviti di bawah kempen SkillsMalaysia yang merupakan salah satu daripada 19 projek permulaan dalam Program Transformasi Ekonomi sepertimana yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 11 Januari 2011.

Adalah diharapkan melalui penerbitan buku ini, ianya dapat memberikan gambaran kepada umum mengenai dasar, perancangan, pelaksanaan dan seterusnya *outcome* daripada penganjuran dan penyertaan Malaysia di pertandingan kemahiran samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pencapaian peserta Malaysia di ASC dan WSC merupakan cerminan terhadap pelaksanaan sistem latihan kemahiran di Malaysia yang merangkumi kurikulum, peralatan, kaedah pembelajaran dan pengajaran, artikulasi untuk melanjutkan latihan juga penerimaan masyarakat Malaysia terhadap sistem dan lepasan pelajar latihan kemahiran.

Sekian, terima kasih



Sekapur Sirih

Datuk Dr Pang Chau Leong

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

Penerbitan buku mengenai penganjuran dan pengurusetiaan pertandingan kemahiran di Malaysia merupakan inisiatif daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kerja Raya. Buku ini merupakan paparan mengenai penganjuran pertandingan melalui kerjasama strategik di dalam membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kompetensi di dalam bidang kemahiran.

Kemahiran kini bukan lagi untuk pelajar yang tercicir di dalam bidang akademik tetapi merupakan kompetensi yang perlu ada oleh semua. Individu yang mempunyai kemahiran mempunyai peluang kerjaya yang lebih cerah di samping nilai tambah yang tinggi kepada kelayakan akademik yang dimiliki. Pencapaian Malaysia di peringkat ASEAN Skills Competition (ASC) dan World Skills Competition (WSC) sesuai dijadikan pemangkin ke arah pembangunan sumber tenaga manusia berkemahiran tinggi di Malaysia.

Adalah diharapkan melalui penerbitan buku ini dapat memberi maklumat dan rujukan kepada umum mengenai usaha JPK dan Kerajaan bagi memartabatkan bangsa melalui latihan kemahiran berprestasi tinggi di Malaysia berasaskan pertandingan kemahiran sebagai medan untuk menonjolkan kompetensi yang dimiliki.

Sekian, terima kasih.

Penaung

Datuk Dr Pang Chau Leong

Penasihat

Dr Mohamad bin Sulaiman

Sidang Pengarang

Dr Ghalip bin Spahat

Khuzainey binti Ismail

Surinah binti Siron

Ganesan a/l V.Murugesu

Mohamad Farith bin Adnan

Suhaila binti Suboh

Turut Membantu

Abd Halim bin Jahaya

Mohd Fauzi bin Yusof

Penghargaan

Kementerian Kerja Raya

Dr Ahmad bin Osman

Tengku Amin bin Tuan Sulaiman

Bakiah binti Tahir

Abdul Walid bin Abdul Samad

Mohamed Nazi bin Mustapa

Markhuza binti Mokhtar

Mohd Asrofi bin Muslim

Pengenalan

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) adalah merupakan salah sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia Malaysia (KSM). Fungsi utama JPK ialah sebagai badan penyelaras pembangunan kemahiran di Negara ini. Pada umumnya, program pembangunan kemahiran melibatkan tiga pihak. Pihak pertama ialah pihak agensi pusat yang menggubal dasar, seperti Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Perbendaharaan. Pihak kedua ialah pihak yang melaksanakan latihan kemahiran seperti Institut Latihan Kemahiran (ILP) dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Pusat GIATMARA di bawah Kementerian Luar Bandar dan Kemajuan Wilayah (KKLW), serta pusat-pusat latihan di bawah Kementerian-kementerian lain dan kerajaan negeri. Ianya diklasifikasi di bawah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Tidak kurang pentingnya ialah pusat-pusat latihan yang dikendalikan oleh pihak korporat dan swasta yang diklasifikasikan di bawah Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS). Pihak ketiga pula ialah penyelaras latihan kemahiran iaitu JPK (Ahmad, 2003).

Secara ringkasnya, sejarah kewujudan badan penyelaras pembangunan kemahiran telah bermula sejak akhir tahun 50an apabila program perantisan diperkenalkan. Badan itu dinamakan *Central Apprenticeship Board* (CAB). Pada awal tahun 70an, kerajaan telah memperkenalkan satu strategi pembangunan dengan penekanan kepada polisi perindustrian berorientasikan eksport. Pada ketika itu banyak syarikat luar Negara datang melabur di Negara ini dengan insentif cukai yang menarik. Mereka membuka kilang-kilang khususnya kilang elektronik yang merupakan penyumbang terbesar peluang pekerjaan (Karim, 1990). Ini sudah tentu memerlukan tenaga kerja mahir yang ramai untuk menyokong operasi pengeluaran. Maka, satu badan penyelaras pembangunan latihan kemahiran telah ditubuhkan pada Disember 1971 yang dinamakan Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK). Dengan penubuhan LLPPKK maka CAB dimansuhkan dan fungsi penyelaras program perantisan diambil-alih oleh badan ini. Pada tahun 1989, LLPPKK telah di susun semula untuk memenuhi tuntutan pembangunan yang lebih mencabar, dan hasilnya, maka ditubuhkan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) (Ahmad, 2003, 2009). Sesuai dengan perkembangan semasa serta agenda untuk mengangkat Negara ini menjadi Negara maju,

tuntutan terhadap pembangunan modal insan berkemahiran terutamanya kemahiran tinggi semakin dirasai. Maka pada tahun 2006 MLVK telah disusun semula dan ditubuhkan Jabatan Pembangunan Kemahiran seiring dengan pengwujudan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652) yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun yang sama (Malaysia, 2006; KSM, 2008). JPK adalah badan pengawalselia Akta tersebut.

Antara inisiatif penting yang diterapkan dalam sistem latihan kemahiran sebagai instrumen penyelarasan ialah Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau *National Occupational Skills Standard* (NOSS). Pembentukan NOSS dilakukan dengan kerjasama pihak majikan sama ada awam atau swasta. Antara kegunaan NOSS ialah sebagai bahan rujukan untuk pembangunan kurikulum latihan serta asas untuk pengukuran kecekapan yang menjurus kepada penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) (Malaysia, 2006).

Pembangunan tenaga kerja yang inovatif dan mahir adalah hasil dari proses pembelajaran yang bukan sahaja tertumpu kepada pembelajaran di dalam kelas semata-mata. Tetapi juga dengan memperkayakan pengalaman mereka melalui program-program seperti pertandingan kemahiran selain daripada program sangkutan di industri. Penyertaan belia di dalam pertandingan kemahiran adalah merupakan satu cara yang paling efektif bagi memperkayakan pengalaman pelajar di samping meningkatkan keinovatifan, daya saing dari segi mental dan fizikal, dan teknik menyelesaikan masalah dalam bidang kemahiran yang diceburinya. Pertandingan kemahiran yang dianjurkan ini merupakan landasan kepada belia dan tenaga pengajar untuk mencuba dan mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang masing-masing melalui tugasan yang direka-bentuk oleh pakar-pakar dari industri negara ini.

Tujuan buku ini disusun adalah untuk menghidangkan kepada para pembaca maklumat yang terdapat dalam khazanah JPK berkenaan pertandingan kemahiran yang memfokuskan kepada aspek sejarah, pengurusan dan pencapaian para peserta dalam pelbagai peringkat pertandingan sehingga kini. Semoga maklumat ini berguna sebagai bahan rujukan. Terdapat tujuh bab yang membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan aspek pertandingan kemahiran dari peringkat kebangsaan hinggalah ke peringkat dunia.

Bab 1 membincangkan tentang keperluan tenaga kerja mahir sebagai penggerak pembangunan ekonomi Negara. Antara perkara yang diketengahkan ialah keperluan kemahiran dan teknologi sebagai asas pembangunan ekonomi Malaysia, dan inisiatif transformasi pendidikan bagi membangunkan

modal insan. Bab 2 memaklumkan mengenai pengurusan pengurusetiaan pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan dan penyertaan Malaysia di peringkat antarabangsa. Bab 3 membahaskan tentang sejarah dan latar belakang penganjuran pertandingan kemahiran di Malaysia. Inisiatif mewujudkan pertandingan kemahiran adalah untuk memperkasakan latihan kemahiran dan pada masa yang sama mendedahkan kepada orang ramai peluang-peluang dalam bidang kemahiran sebagai salah satu kerjaya yang boleh diceburi. Bab 4 membincangkan tentang Pertandingan MySkills iaitu suatu pertandingan untuk menguji tahap kompetensi tenaga pengajar. Pelaksanaan pertandingan itu dari tahun 2007 hingga kini di peringkat Malaysia dan Asean juga dibincangkan. Bab 5 membincangkan tentang pertandingan kemahiran Asean atau *Asean Skills Competition* (ASC). Penganjuran pertandingan ini telah bermula dari tahun 1995 dengan Malaysia sebagai tuan rumah pertama. Pertandingan ini dilaksanakan dua tahun sekali di mana penganjurannya digilirkan bagi kalangan negara Asean. Bab 6 pula membincangkan pertandingan kemahiran peringkat dunia atau *World Skills Competition* (WSC) dari segi sejarah penganjuran, pelaksanaannya, proses penilaian, serta pencapaian peserta Malaysia dalam pertandingan ini sehingga kini. Bab 7 membincangkan tentang strategi negara ini untuk meningkatkan prestasi pencapaian dalam penyertaannya di peringkat antarabangsa. Buku ini diakhiri dengan Bab 8 yang membuat rumusan tentang pentingnya pertandingan kemahiran sebagai inisiatif untuk memartabatkan pembangunan latihan kemahiran di negara ini. Pertandingan kemahiran juga dilihat sebagai landasan untuk mendekatkan orang ramai dengan program dan aktiviti latihan kemahiran. Mudah-mudahan dengan inisiatif sebegini akan meningkatkan minat di kalangan ibu bapa dan guru untuk menggalakkan para belia dan pelajar berkerjaya dalam bidang kemahiran.

**Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia Malaysia
Putrajaya**

2013

SENARAI AKRONIM DAN ABREVIASI

ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
ASC	<i>ASEAN Skills Competition</i>
APSDEP	<i>Asian and Pacific Skill Development Program</i>
BOS	<i>Blue Ocean Strategy</i>
CAB	<i>Central Apprenticeship Board</i>
CIAST	<i>Centre for Instructor and Advanced Skills Training</i>
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKK	Institut Kemahiran KEMENTAH
IKTBN	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
IKM	Institut Kemahiran MARA
ILKA	Institusi Latihan Kemahiran Awam
ILKS	Institusi Latihan Kemahiran Swasta
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IVTO	<i>International Vocational Training Office</i>
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JTM	Jabatan Tenaga Manusia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KBS	Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
KKR	Kementerian Kerja Raya
KKTM	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KSM	Kementerian Sumber Manusia Malaysia
LLPPKK	Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan
MLVK	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
MPKM	Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
PKM	Pertandingan Kemahiran Malaysia
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SLDN	Sistem Latihan Dual Nasional
TEVT	<i>Technical Educational and Vocational Training</i>
UPE	Unit Perancang Ekonomi
WSC	<i>World Skills Competition</i>
WSI	<i>World Skills International</i>

01 Tenaga Kerja Berkemahiran Penggerak Pembangunan Ekonomi Malaysia

Pembangunan Modal Insan Dan Tenaga Kerja Yang Berkemahiran

Malaysia memerlukan tenaga kerja mahir bagi pembangunan ekonomi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Keperluan ini tidak dapat dipenuhi sekiranya pembangunan modal insan di Malaysia tidak selaras dengan teknologi yang digunakan yang menyokong pembangunan negara disebabkan oleh faktor perubahan teknologi yang dinamik dan bersifat global. Sehingga Mac 2010, jumlah guna tenaga pekerja mahir tempatan adalah pada tahap 25 peratus, iaitu 2.75 juta daripada 11 juta guna tenaga kerja di Malaysia, berbanding dengan negara maju seperti Jerman di mana jumlah komposisi guna tenaga mahir tempatan negara itu lebih 80 peratus, Singapura (52 peratus), Finland (58 peratus) dan New Zealand (58 peratus) (Harian Metro, 2010). Tenaga kerja yang berorientasikan pendidikan tinggi dan latihan profesional kini diberi penekanan khusus untuk pembangunan Malaysia supaya lebih berdaya saing bagi mencapai perkapita rakyat Malaysia berjumlah USD15,000 setahun atau bersamaan RM3,750 sebulan menjelang tahun 2020 ke arah Negara berpendapatan tinggi.

Pembangunan tenaga kerja yang inovatif dan mahir adalah hasil dari proses pembelajaran yang bukan sahaja tertumpu kepada pembelajaran di dalam kelas



Gambar 1.1
Aktiviti pertandingan bidang teknologi automotif



Gambar 1.2
Aktiviti pertandingan kemahiran bidang mekatronik

semata-mata, tetapi juga dengan memperkayakan pengalaman mereka melalui aktiviti yang bermanfaat hasil dari perkongsian pintar di antara pihak Kerajaan, korporat dan institusi latihan kemahiran. Ia boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan tenaga kerja yang inovatif, kreatif dan mahir. Penyertaan belia di dalam pertandingan kemahiran adalah merupakan satu cara yang paling efektif bagi memperkayakan pengalaman pelajar di samping meningkatkan keinovatifan, daya saing dari segi mental dan fizikal, dan teknik menyelesaikan masalah dalam bidang kemahiran yang diceburinya. Pertandingan kemahiran yang dianjurkan ini merupakan landasan kepada belia dan tenaga pengajar untuk mencuba dan mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang masing-masing melalui tugas-tugas yang direka bentuk oleh pakar-pakar industri negara ini.

Penganjuran pertandingan kemahiran merupakan salah satu inisiatif Kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam usaha meningkatkan penglibatan masyarakat dalam memilih kerjaya dalam bidang kemahiran. Ianya selaras dengan hasrat Kerajaan yang mensasarkan 33 peratus pekerja mahir menjelang 2015 dan 50 peratus menjelang tahun 2020 supaya setanding dengan negara maju seperti Singapura, Taiwan dan Korea Selatan (UPE, 2010). Bukan setakat meningkatkan peratus dan bilangan pekerja mahir, malah lebih dari itu iaitu untuk melihat kerjaya di bidang kemahiran menyumbang kepada sasaran Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

Penyertaan dan pencapaian Malaysia dalam pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa seperti *ASEAN Skills Competition (ASC)* dan *World Skills Competition (WSC)* yang juga merupakan pertandingan kemahiran bertaraf dunia adalah



Gambar 1.3
Pemenang bagi *World Skills Competition*
(Sumber: www.wsc.com.my)

sebagai membuka minda masyarakat umum terhadap kemampuan belia negara dalam kemahiran dan teknologi. Ia secara langsung memberikan gambaran terhadap kemantapan pelaksanaan sistem latihan kemahiran di Malaysia. Penganjuran pertandingan kemahiran juga menggalakkan kerjasama di antara pihak Kerajaan, industri dan agensi latihan di ASEAN dan seluruh dunia melalui pertukaran kaedah, teknologi dan proses pembuatan dan perkhidmatan yang diamalkan di institusi latihan atau latihan negara masing-masing. Di samping itu, ianya dapat memberi insentif kepada pekerja dan belia untuk meningkatkan kemahiran melalui penyertaan di dalam pertandingan dan memberi peluang kepada institusi latihan vokasional, pakar dan jurulatih dari seluruh dunia untuk saling bertukar maklumat, pandangan bagi mewujudkan jaringan di kalangan pengamal latihan negara ASEAN dan dunia melalui kesepakatan di dalam latihan teknikal dan vokasional.

Kemahiran dan Teknologi Asas Kepada Peningkatan Produktiviti Negara

Penyediaan prasarana dalam bidang teknikal dan vokasional merupakan satu pelaburan yang tinggi untuk melahirkan belia dan tenaga kerja yang menepati kehendak pasaran kerja dan industri. Sebagai sebuah negara yang kerap memenangi pingat dalam WSC, Kerajaan Korea Selatan telah membentuk sistem pembelajaran teknik dan vokasional yang berasaskan kepada pelan pembangunan industri negara tersebut yang mana belia negara tersebut telah menjalani program latihan yang komprehensif dengan melibatkan pihak industri. Asas kemahiran teknikal dan vokasional yang mantap di kalangan tenaga kerja telah mengangkat Korea Selatan menjadi sebuah negara yang berteknologi tinggi dengan peningkatan ekonomi dari 0.2 peratus pada tahun 2009 dan ianya meningkat kepada 6.1 peratus pada tahun 2010. Kini Korea Selatan merupakan negara yang seiring dengan negara Jepun, Amerika, Perancis, Itali, Jerman dan United Kingdom dengan pendapatan tetap berkapita USD20,000 (Wikipedia,2012).



Gambar 1.4
Anugerah WSC Albert Vidal 2011 kepada Byeong Yeon Bae
dan Jeong Pyo Gong dari Korea Selatan (Sumber: www.wsc.com.my)

Namun, tahap produktiviti pekerja Malaysia adalah jauh lebih rendah daripada negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, United Kingdom, Korea Selatan dan Singapura. Menerusi Laporan Produktiviti 2011 menyatakan, pekerja Malaysia mencatatkan nilai produktiviti sebanyak RM43,952 setahun yang mana adalah lebih rendah berbanding Indonesia dan India sedangkan sasaran tahap produktiviti menjelang 2020 adalah sebanyak RM87,500. Oleh demikian, pembentukan modal insan yang mampu menguasai bidang teknikal perlu dizahirkan supaya produktiviti negara boleh dicapai ke satu aras yang boleh dibanggakan.

Kemampuan menguasai bidang teknikal dan vokasional bermaksud menguasai sesuatu bidang kemahiran dan berkebolehan untuk mengaplikasikan kemahiran secara praktikal di samping berkebolehan untuk membuat perancangan bagi setiap tugas dalam bidang tersebut. Elemen bagi membolehkan seseorang yang praktikal dalam bidangnya iaitu mampu menguasai kemahiran menyelesaikan masalah dalam pelbagai konsep metodologi, mahir menganalisa data, mahir menggunakan komputer, mampu berkomunikasi dengan baik, seseorang yang boleh bekerja secara kumpulan dan menunjukkan sikap kepimpinan, berkebolehan membuat keputusan, sentiasa bersikap positif dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan merealisasikan perkara baru melalui inovasi juga dapatan kaedah baru mengikut bidang yang diceburi (ILO, 2007)

Belia Malaysia yang berkemahiran yang berorientasikan bidang teknikal merupakan aset negara yang tidak ternilai. Ukuran untuk menanda aras tahap kompetensi belia negara berasaskan kepada pencapaian dalam ASC dan WSC merupakan agenda nasional yang perlu dititikberatkan oleh semua pihak yang terlibat khususnya penyedia latihan kemahiran di Malaysia.



Gambar 1.5

Dato' Seri Mohd Najib bin Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia menerima kunjungan hormat dari kontinjen Malaysia ke ASC 2012 pada 20 November 2012 (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)



Gambar 1.6
Pemenang Best of Nation di ASC 2012
Amran bin Naim (Kedua dari kiri)



Gambar 1.7
Pemenang Pingat Emas di ASC 2012
(Dari kiri: Chen Kim Leun, Nik Mohd Fakhru bin
Ahmad Kamil dan Amran bin Naim)

Untuk membangunkan belia Malaysia yang berkompentensi dan berkemahiran, pihak penyedia latihan kemahiran dan industri perlu membangunkan modul latihan yang berteraskan kepada industri dan mampu mentransformasikan pelajar yang berkebolehan untuk menyelesaikan masalah, mempunyai asas teknikal yang kukuh dan boleh berkomunikasi dengan baik. Inisiatif seperti mewujudkan skim perantisan iaitu pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) merupakan usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam melahirkan belia Malaysia yang berkemahiran tinggi. Pendekatan latihan melalui SLDN ini adalah mengambilkira aspek-aspek seperti menyelesaikan masalah, pemantapan asas teknikal yang kukuh, berkomunikasi dan membuat laporan teknikal dengan kerjasama syarikat atau industri di dalam dan luar negara.

Dalam Model Baru Ekonomi (MBE), sepertimana yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Razak yang menyatakan bahawa kejayaan untuk melahirkan modal insan yang berkeupayaan untuk berinovasi dan meneroka bidang-bidang baru bagi menjana kekayaan negara merupakan faktor yang kritikal, yang akan menentukan daya saing dan kemakmuran masa depan negara (Najib, 2012).

Transformasi Pendidikan Bagi Membangunkan Modal Insan Malaysia

Ledakan globalisasi dan dinamikanya teknologi maklumat dan komunikasi telah merubah senario antarabangsa di mana sumber manusia diiktiraf sebagai modal terpenting untuk menjana kemajuan dan pembangunan negara. Dalam persaingan ini, pembangunan sumber manusia merupakan teras kepada kejayaan sesebuah negara. Telah terbukti bahawa negara boleh membangun dan maju jika mempunyai sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Selaras dengan kepesatan pembangunan, negara perlu

menyediakan tenaga kerja berpengetahuan (k-Pekerja) yang amat diperlukan untuk membangunkan industri berasaskan pengetahuan (k-Ekonomi). Dengan ini, hasrat Kerajaan membangunkan negara dalam ekonomi dunia yang liberal dan global dapat direalisasikan.

Justeru itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil langkah dalam menggubal Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia, 2008-2020. Pelan induk yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah bin Ahmad Badawi pada 3 Mei 2008 adalah bertepatan sekali dengan perkara pertama teras dasar pembangunan modal insan negara dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) iaitu pelaksanaan penambahbaikan yang komprehensif terhadap sistem penyampaian pendidikan dan latihan negara ini. Pelancaran pelan induk itu sekali gus menyaksikan KSM menjalankan program yang telah dirancang bermula dari tahun itu hingga 2020 bagi memastikan bekalan pekerja mahir di negara ini mencukupi menjelang tahun berkenaan. Lima teras strategik yang dikenal pasti dalam Pelan Induk untuk memperkukuhkan sistem latihan dan pembangunan kemahiran negara adalah:

- i. Memperkukuhkan Sistem Latihan dan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan;
- ii. Mempertingkatkan Kualiti Latihan dan Pembangunan Kemahiran;
- iii. Memperluaskan Akses dan Peluang untuk Individu;
- iv. Memenuhi Keperluan Tenaga Kerja Mahir oleh Industri; dan
- v. Mempertingkatkan Martabat Dan Pengiktirafan Kelayakan Dan Kerjaya Berasaskan Kemahiran.

Penganjuran pertandingan peringkat nasional dan penyertaan Malaysia di ASC dan WSC adalah selaras dengan Teras Ke-5 di dalam Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia iaitu mempertingkatkan martabat dan pengiktirafan kelayakan dan kerjaya berasaskan kemahiran.

Persepsi umum yang menganggap pekerjaan kolar biru adalah merupakan bidang pekerjaan yang sesuai kepada pelajar yang kurang cemerlang dalam bidang akademik dengan penumpuan pekerjaan seperti buruh adalah persepsi yang perlu dihakis. Gaya pemikiran seumpama ini menunjukkan masyarakat masih kurang faham bahawa bidang teknikal dan latihan vokasional bukan sahaja tertumpu kepada pekerjaan kolar biru semata-mata berbanding dengan bidang akademik bagi pekerjaan kolar putih (Pang, 2012).

Transformasi latihan kemahiran melalui penjenamaan SkillsMalaysia merupakan aspirasi negara untuk menyelaras dan mengharmonikan usaha-usaha pelbagai

agensi latihan dan pihak industri agar sistem TEVT mampu memenuhi keperluan tenaga mahir yang kian berkembang pesat. Penjenamaan SkillsMalaysia telah diumumkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, pada 11 Januari 2011 sebagai salah satu daripada 19 projek permulaan (EPP) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mana menumpukan kepada 12 bidang keberhasilan utama ekonomi (NKEA) yang menyokong Teras Ke-3 di dalam Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia iaitu memperluaskan akses dan peluang untuk individu.



Gambar 1.8
Pemenang Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri
di Pertandingan Kemahiran Malaysia 2010



Gambar 1.9
Pemenang Diploma For Excellence di WSC 1999, Khairulnisa Hamdan dalam bidang Beauty Therapy Menerima Cek Bernilai RM500 daripada Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor (Sumber : emedia.jkr.gov.my)



Gambar 1.10
Penyampaian Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri Kepada Pemenang PKM Tahun 2006 Oleh Timbalan Perdana Menteri, YBhg Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (Sumber : emedia.jkr.gov.my)



Gambar 1.11
Pelancaran Kempen SkillsMalaysia di Putrajaya pada 5 Mei 2011 oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Sebagai salah satu projek permulaan di bawah Program Transformasi Ekonomi, SkillsMalaysia bertujuan meningkatkan kesedaran dan membuka peluang kepada pelajar supaya memilih latihan kemahiran sebagai pilihan utama dalam penentuan kerjaya. Sehubungan ini, para pelajar, ibubapa dan masyarakat amnya perlu didedahkan dan di didik pentingnya kemahiran serta peluang laluan kerjaya yang berpotensi tinggi kepada pemilik kemahiran. Aktiviti SkillsMalaysia meliputi pengendalian pertandingan kemahiran pada peringkat nasional dan antarabangsa yang mana penganjurannya adalah untuk memupuk usaha bagi menarik minat para belia negara agar lebih berkeyakinan dan memartabatkan bidang kemahiran.

Selaras dengan keperluan pekerjaan, teknologi semasa dan bidang ekonomi yang diberi keutamaan, kurikulum yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang kini digunakan di pusat-

pusat latihan kemahiran adalah memenuhi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard – NOSS*). Manakala untuk penyeragaman dan pengiktirafan persijilan TEVT, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) diguna pakai sebagai persijilan tunggal kebangsaan bagi TEVT. Melalui program pelaksanaan persijilan tunggal kebangsaan ini, kualiti latihan dapat dipertingkatkan dan kaedah penyampaian dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan antaranya melalui sistem pentauliahan iaitu pembelajaran di institusi latihan kemahiran dan SLDN. Kaedah pelaksanaan SLDN melibatkan dua situasi pembelajaran iaitu 20 hingga 30 peratus pembelajaran secara teori di institusi latihan dan 70 hingga 80 peratus latihan secara praktikal di tempat latihan sebenar di industri samada secara *day-released* atau *block-released*. Dengan berkonsepkan *student centered* dan dilaksanakan di industri secara latihan praktikal, telah memberi peluang bagi seseorang perantis untuk lebih memahami sesuatu teori dan mengaplikasikan kemahiran teknikal yang dipelajari dalam situasi kerja sebenar.

Penutup

Belia negara ini perlu dimantapkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang masing-masing bukan hanya bersandarkan kepada pencapaian akademik semata-mata. Pemantapan dan perhatian semua pihak untuk membangunkan kompetensi belia negara bukan hanya tertumpu kepada penyedia latihan kemahiran malah pihak industri perlu memainkan peranan agar kurikulum, latihan di industri dan pakar dalam bidang boleh mengembleng tenaga bersama-sama dengan pihak Kerajaan untuk membangunkan belia dan bangsa yang berkemahiran tinggi selaras dengan Wawasan 2020.

Penyertaan Malaysia dalam WSC memerlukan belia Malaysia yang mempunyai kemampuan yang tinggi dalam bidang kemahiran yang diceburi agar peserta yang diketengahkan di pertandingan kemahiran yang berprestij dunia ini dapat membuka mata masyarakat terhadap potensi kerjaya bidang kemahiran yang bukan sahaja tertumpu kepada pekerjaan berkolar biru malah ianya dapat memberi pendapatan yang tinggi kepada individu dan seterusnya negara. Penyertaan Malaysia dalam WSC sejak tahun 1993 merupakan cubaan dan usaha untuk memartabatkan belia Malaysia pada peringkat dunia. Namun begitu, usaha yang tidak pernah padam ini memerlukan komitmen yang berterusan daripada pelbagai pihak dan perlu diteruskan agar Malaysia berjaya memperolehi pingat dalam WSC kelak.

Pencapaian Malaysia dalam WSC juga merupakan ukuran terhadap sistem TEVT di Malaysia dan pada masa yang sama, penglibatan pihak industri

samada di dalam sistem pendidikan dan latihan merupakan asas penting untuk membentuk belia yang berkemahiran. Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) merupakan platform kepada belia negara untuk menonjolkan bakat kemahiran mereka dalam pertandingan kemahiran peringkat nasional yang juga merupakan platform kepada pemenang PKM yang berjaya supaya dapat diketengahkan dalam ASC dan seterusnya WSC.



Gambar 1.12
Suasana Di Pertandingan Kemahiran

02 Sistem Pengurusan Pertandingan Kemahiran


Pengenalan

Penganjuran pertandingan kemahiran menuntut usaha dan komitmen yang bersepadu daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) agar lebih ramai belia Malaysia dan tenaga pengajar yang berkemahiran tinggi dalam bidang dapat dihasilkan bagi memenuhi keperluan pembangunan negara. Untuk merealisasikan hasrat ini, sistem pengurusan pertandingan kemahiran yang sistematik dan terancang diperlukan agar pelaksanaan pertandingan yang dilaksanakan adalah teratur di samping mencapai objektif yang dikehendaki.

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 3 Mac 2010 telah bersetuju dan memutuskan bahawa KSM melalui JPK mengambil alih penyelarasan tiga (3) pertandingan kemahiran daripada KKR iaitu Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM), *ASEAN Skills Competition (ASC)* dan *World Skills Competition (WSC)* bagi 20 bidang kemahiran. Walau bagaimanapun, pihak KKR masih mengendalikan pelaksanaan PKM dan persiapan negara bagi ASC dan WSC dalam bidang pembinaan iaitu *welding, electrical installations, plumbing and heating, bricklaying, joinery, wall and floor tiling, refrigeration and air conditioning, mechanical engineering design – cad* dan *decorative painting*.

Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM) merupakan Jawatankuasa Induk bagi menyelaraskan, perancangan dan seterusnya memantau pelaksanaan pertandingan kemahiran di Malaysia juga penyertaan Malaysia di *ASEAN Skills Competition (ASC)* dan *World Skills Competition (WSC)*. Jawatankuasa kerja bagi pertandingan kemahiran adalah Jawatankuasa Teknikal Pertandingan bagi pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa, Jawatankuasa Urusetia Pertandingan dan Jawatankuasa Penyelaras Pertandingan yang diadakan bersama-sama wakil agensi yang menganjurkan pertandingan kemahiran. Struktur organisasi bagi menguruskan penganjuran dan penyertaan Malaysia di pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah seperti Rajah 2.1.

Dalam bab ini turut menghuraikan personel yang terlibat di dalam pertandingan samada di peringkat kebangsaan iaitu Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) dan Pertandingan MySkills serta di peringkat antarabangsa iaitu ASC dan WSC.



Rajah 2.1
Struktur Organisasi Pengurusan Pertandingan Kemahiran di Malaysia (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

Struktur Organisasi Pertandingan Kemahiran

a. Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM)

Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia atau singkatannya MPKM merupakan majlis yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia dan dianggotai oleh 30 orang ahli majlis yang terdiri daripada wakil daripada agensi Kerajaan dan swasta. Antara objektif penubuhan majlis ini adalah membincangkan hala tuju pertandingan, pelaksanaan dasar, perancangan, pelaksanaan dan *outcome* daripada penganjuran dan penyertaan Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Struktur organisasi MPKM adalah seperti di bawah

Penaung : YAB Perdana Menteri
Penasihat : YB Menteri Sumber Manusia
Pengerusi : YB Timbalan Menteri Sumber Manusia
Pengerusi Ganti : Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia
**Urusetia : Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK),
 Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan
 Kementerian Kerja Raya (KKR)**

Keahlian :

01. Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya
02. Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan
03. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia
04. Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan dan Komunikasi
05. Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan
06. Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
07. Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Asas Tani
08. Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran
09. Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia
10. Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia
11. Ketua Pengarah MARA
12. Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
13. Ketua Eksekutif Malaysia Timber Industry Board (MITB)
14. Ketua Eksekutif Suruhanjaya Tenaga
15. Ketua Eksekutif GIATMARA Sdn Bhd
16. Ketua Eksekutif PROTON Berhad
17. Ketua Eksekutif Tenaga Kebangsaan Berhad
18. Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima
19. Ketua Eksekutif Malaysian Development Corporation
20. Presiden Federation of Malaysian Manufacturers
21. Presiden Malaysian Association of Hotels
22. Presiden Persatuan Kosmetologi Malaysia
23. Presiden Federation of JPK Accredited Centers Malaysia
24. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Automotif
25. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Pembinaan
26. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) ICT
27. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Kejuruteraan & Kejenteraan
28. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Elektrikal & Elektronik
29. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Tekstil & Pakaian
30. Presiden Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) Perhotelan

b. Jawatankuasa Teknikal Bagi Pertandingan Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Jawatankuasa teknikal pertandingan kemahiran bagi peringkat kebangsaan dan antarabangsa dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan dianggotai oleh pengarah bahagian, JPK, pegawai dari KKR, ketua penggubal soalan dan ketua hakim pertandingan bagi bidang kemahiran yang dipertandingkan. Antara tanggungjawab jawatankuasa teknikal di peringkat kebangsaan adalah:

- i. Mengesahkan lantikan hakim pertandingan dan penggubal soalan pertandingan
- ii. Mengesahkan jadual, lokasi dan bidang yang dipertandingkan;
- iii. Mengesahkan soalan praktikal di peringkat pra-kelayakan dan akhir;
- iv. Mengesahkan pembelian dan sewaan bagi peralatan, bahan guna habis dan penyelenggaraan peralatan atau mesin
- v. Mengesahkan keputusan pertandingan berasaskan kepada skala pemarkahan yang ditetapkan;
- vi. Membincangkan *post-mortem* pertandingan peringkat pra-kelayakan dan akhir; dan
- vii. Mencadangkan penambahbaikan penganjuran dan pengurusetiaan pertandingan.

Manakala tanggungjawab Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Antarabangsa adalah:

- i. Mengesahkan lantikan peserta negara, pakar negara dan jurulatih sama ada dalam ASC atau WSC;
- ii. Mengesahkan pencapaian peserta negara dalam ASC dan WSC semasa sesi latihan secara berkala; dan
- iii. Membincangkan pencapaian peserta di ASC dan WSC serta membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa

c. Jawatankuasa Kerja Pertandingan Kemahiran

Jawatankuasa ini diketuai oleh ketua urusetia pertandingan yang terdiri daripada JPK dan KKR dan dianggotai oleh urusetia bagi setiap bidang bagi membincangkan urusan sebelum pertandingan seperti perancangan, pembelian peralatan, lantikan hakim pertandingan, lantikan urusetia mengikut bidang. Aktiviti semasa pelaksanaan pertandingan kemahiran seperti pemantauan, proses penilaian juga aktiviti selepas pertandingan yang merangkumi penganjuran Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri.

d. Jawatankuasa Penyelarasan Pertandingan Kemahiran

Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai agensi kemahiran yang bersama-sama menganjurkan pertandingan kemahiran samada di peringkat pra-


kelayakan dan akhir. Antara fungsi jawatankuasa ini adalah menyelaras penyertaan pertandingan, menyelaras aktiviti pertandingan yang merangkumi promosi, pelantikan personel di lokasi pertandingan dan sebagainya.

Struktur Jawatankuasa Peringkat ASEAN *Skills Competition* (ASC) dan *World Skills Competition* (WSC)

Sepertimana penganjuran pertandingan pada peringkat kebangsaan, jawatankuasa teknikal dan organisasi juga di wujudkan bagi ASEAN *Skills Competition* (ASC) dan *World Skills Competition* (WSC).

a. Organisasi Pengurusan Penyertaan Malaysia ke Pertandingan Antarabangsa

Pengurusan penyertaan Malaysia ke pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa adalah di bawah penyelarasan Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM). Kontinjen Malaysia ke pertandingan antarabangsa adalah terdiri daripada Pegawai Delegat Rasmi iaitu pegawai atasan KSM, Pegawai Delegat Teknikal, pengurus pasukan, pakar negara, jurulatih negara, peserta negara dan pemerhati rasmi iaitu wakil dari kementerian/agensi yang terlibat dalam pertandingan. Carta organisasi pengurusan penyertaan Malaysia ke pertandingan antarabangsa adalah ditunjukkan pada Rajah 2.2.



Rajah 2.2

Carta Organisasi Pengurusan Penyertaan Malaysia ke ASC (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

b. Organisasi Pengurusan ASEAN Skills Competition (ASC)

Struktur organisasi yang teratur dan sistematik dibentuk bagi memastikan kelancaran penganjuran ASC. Pengurusan ASC dikendalikan oleh tiga buah jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Penganjuran (*Organizing Committee*), Jawatankuasa Teknikal (*Technical Committee*) dan Jawatankuasa Kerja Negara Penganjur (*Host Organizing Committee*). Carta Organisasi ASC adalah ditunjukkan pada Rajah 2.3.

i. Jawatankuasa Penganjuran

Setiap negara ahli ASC perlu melantik seorang Pegawai Delegat Rasmi (*Official Delegate*) yang mewakili negara berkenaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penganjuran. Pengerusi bagi Jawatankuasa Penganjur ini akan dipilih dari kalangan ahli jawatankuasa dan pada kebiasaannya akan dilantik dari kalangan ahli bagi negara yang menganjur pertandingan pada tahun tersebut. Antara tugas dan tanggungjawab jawatankuasa adalah merancang, menyusun, dan melaksanakan keseluruhan pertandingan; menyediakan polisi, peraturan dan strategi; menyelia pengurusan dan pelaksanaan pertandingan dan membuat penilaian terhadap cadangan dari jawatankuasa teknikal.



Rajah 2.3
Carta Organisasi ASC (Sumber: Laporan Pertandingan Kemahiran ASEAN Ketujuh)

ii. Jawatankuasa Teknikal

Jawatankuasa Teknikal ASC terdiri daripada seorang Pegawai Delegat dari setiap negara yang menyertai pertandingan ini. Manakala pengerusi

bagi jawatankuasa ini dilantik dari kalangan Pegawai Delegat yang berpengalaman dalam pertandingan dan boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik. Jawatankuasa Teknikal bertanggungjawab terhadap perkara teknikal pertandingan antaranya mewujudkan deskripsi teknikal, penubuhan panel juri, mengesahkan projek ujian dan skema pemarkahan, menyelia penganjuran dan pemarkahan pertandingan serta mengesahkan keputusan pertandingan.

iii. **Jawatankuasa Kerja Negara Penganjur**


Pengurusan bagi menganjurkan ASC adalah diuruskan sepenuhnya oleh negara penganjur. Segala keperluan yang meliputi infrastruktur, bajet, logistik, peralatan, penajaan, penganugerahan dan lain-lain adalah di bawah tanggungjawab negara penganjur. Oleh itu, pihak penganjur perlu membentuk jawatankuasa induk yang dinamakan Jawatankuasa Kerja Negara Penganjur. Pengerusi dan ahli dalam jawatankuasa ini adalah terdiri dari individu negara penganjur tersebut.

iv. **Panel Juri**

Panel juri terdiri daripada Pengerusi Juri (*Jury Chairperson*), Ketua Pakar (*Chief Expert*), Timbalan Ketua Pakar (*Deputy Chief Expert*) dan Pakar (*Expert*). Juri bagi pertandingan dilantik dari kalangan pakar-pakar yang mewakili negara dalam bidang kemahiran berkaitan. Skop tanggungjawab bagi panel juri adalah mengesahkan pembangunan projek ujian, skema jawapan dan skema pemarkahan yang telah dibangunkan oleh Ketua Pakar dan Pakar sebelum digunakan semasa pertandingan. Manakala Pengerusi Juri merupakan pihak berkecuali yang dilantik dari kalangan Pegawai Delegat Teknikal yang berperanan untuk memberi panduan, menasihati dan menyelesaikan masalah berkaitan teknikal yang berlaku semasa pertandingan.

Struktur Organisasi *World Skills Competition* (WSC)


Presiden *World Skills International* (WSI) merupakan individu yang memegang jawatan tertinggi dalam WSC yang berperanan sebagai ketua bagi urusan pertandingan kemahiran pada peringkat dunia. Simon Bartley merupakan Presiden WSI yang telah dilantik pada 10 Oktober 2011 sehingga kini. Untuk menjalankan tanggungjawabnya, Presiden dibantu oleh seorang Timbalan Presiden dalam pelbagai aspek serta seorang pegawai yang menjaga kewangan WSI. Carta organisasi Lembaga Pengarah *World Skills International* (WSI) adalah seperti dalam Rajah 2.4.



Rajah 2.4
Ahli Lembaga Pengarah World Skills International (WSI) (Sumber: World Skills International (WSI))

Kontinjen Malaysia di World Skills Competition

Kontinjen negara di WSC terdiri daripada Ketua Kontinjen, Pegawai Delegat Rasmi, Pegawai Delegat Teknikal, Pegawai Pemerhati Rasmi, Pegawai Teknikal, Ketua Pasukan, Peserta, Pakar Negara, Penterjemah dan Pemerhati dari pelbagai agensi. Ketua bagi kontinjen Malaysia di WSC adalah Timbalan Menteri Sumber Manusia yang merupakan Pengerusi Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM). Rajah 2.5 menjelaskan kontinjen Malaysia ke WSC.



Rajah 2.5
Carta Organisasi Pengurusan Penyertaan Malaysia ke WSC (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

Personel yang terlibat dalam WSC

Kejayaan sesuatu program itu hanya dapat direalisasikan melalui kerjasama semua pihak yang terlibat dengan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Begitu jugalah dengan urusan penyertaan pertandingan kemahiran seperti WSC yang memerlukan kerjasama dan komitmen yang amat tinggi antara satu sama lain. Semua pihak yang terlibat perlu tahu peranan masing-masing. Terdapat beberapa kategori personel yang memainkan peranan yang sangat penting untuk menjayakan penyertaan Malaysia dalam WSC. Perinciannya adalah seperti berikut:-

- i. **Pegawai Delegat Rasmi** turut dikenali sebagai **Official Delegate(OD)** dan OD bagi kontinjen Malaysia ke WSC merupakan seorang yang berjawatan tinggi dalam Kementerian Sumber Manusia. OD bertanggungjawab untuk memastikan semua urusan dan penyertaan negara dalam WSC berjalan dengan lancar seperti yang dirancang. Pada ketika ini, jawatan ini disandang oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.
- ii. **Pegawai Teknikal** yang dikenali sebagai **Technical Delegate (TD)** merupakan pegawai yang mewakili Malaysia di dalam setiap mesyuarat dan aktiviti yang dianjurkan oleh *World Skills International*. TD perlu melaporkan dan membentangkan hasil mesyuarat dan aktiviti yang telah dihadiri agar persediaan Malaysia di ASC dan WSC lebih terancang. TD turut berperanan untuk memberikan taklimat berkaitan pertandingan kepada peserta negara dan membekalkan *Technical Description*, *Competition Rules*, *Health & Safety Regulation* serta lain-lain maklumat berkaitan kepada pakar negara. TD juga perlu memastikan pendaftaran peserta negara yang dilakukan secara atas talian dibuat mengikut masa yang ditetapkan. Selain itu, TD juga perlu memastikan pakar negara membuat persediaan latihan kepada peserta dan mengambil peperiksaan pakar dalam WSC secara atas talian.
- iii. **Pembantu Pegawai Teknikal** yang dipanggil sebagai **Technical Delegate Assistant (TDA)** adalah pegawai yang bertanggungjawab untuk membantu pegawai teknikal negara di dalam urusan penyertaan Malaysia di ASC dan WSC.
- iv. **Pakar (Expert)** merupakan sekumpulan individu yang pakar dalam bidang teknikal masing-masing dan dilantik untuk membuat penilaian dan pemarkahan kepada peserta yang bertanding. Pelantikan ketua kepada pakar (*Chief Expert*) dan Timbalan Ketua Pakar (*Deputy Chief Expert*) adalah melalui proses undian. Proses pemilihan Ketua Pakar dan Timbalan Ketua Pakar di WSC akan datang yang dilaksanakan secara undian dilaksanakan selepas tamat proses pemarkahan di WSC pada tahun itu.

Manakala Pakar Negara di Malaysia dipilih berdasarkan kepada berpengalaman kerja yang dimiliki yang melebihi 10 tahun dalam bidang, mempunyai kepakaran yang diiktiraf dan mengetahui selok belok pengurusan dan pelaksanaan pertandingan samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selain itu, pakar negara juga perlu mempunyai pengalaman sebagai hakim dalam mana-mana pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan.

- v. **Penterjemah (*Interpreter*)** adalah individu yang dilantik untuk membantu peserta bagi menterjemahkan soalan pertandingan di dalam Bahasa Inggeris. Walau bagaimana pun, penterjemah tidak dibenarkan untuk mengadakan komunikasi terus dengan peserta melainkan setelah mendapat persetujuan Ketua Pakar.
- vi. **Ketua Pasukan (*Team Leader*)** merupakan individu yang dilantik oleh negara ahli bagi mengurus kebajikan dan keperluan para peserta sebelum, semasa dan selepas pertandingan. Ketua pasukan dibenarkan untuk memasuki kawasan pertandingan tanpa sebarang sekatan.
- vii. **Peserta (*Competitor*)** adalah individu yang berumur 22 tahun dan ke bawah pada tahun pertandingan bagi semua bidang kecuali bidang-bidang *Information Network Cabling, Mechatronics, Manufacturing Team Challenge* dan *Aircraft Maintenance* di mana had umur yang ditetapkan ialah 25 tahun dan ke bawah. Peserta yang mewakili Malaysia di WSC dipilih melalui proses pemilihan yang diperakui oleh Jabatan dari semasa ke semasa.
- viii. **Pemerhati (*Observer*)** terdiri daripada **tiga** kategori iaitu Pegawai Pemerhati Rasmi (Official Observer, OO), Pegawai Pemerhati Teknikal (Technical Observer, TO) dan Pegawai Pemerhati (Observer, O). **Pegawai Pemerhati Rasmi (*Official Observer*)** adalah wakil dari negara ahli yang boleh menyertai mesyuarat WSI dan program-program penting yang dianjurkan oleh sekretariat WSC. **Pemerhati Teknikal (*Technical Observer*)** pula adalah individu yang dilantik khas untuk mempelajari perjalanan pertandingan bagi bidang yang akan disertai oleh negara tersebut pada pertandingan akan datang. Pemerhati Teknikal dibenarkan untuk memasuki kawasan pertandingan untuk mendapatkan pengalaman. **Pemerhati (*Observer*)** merupakan individu yang dicalonkan daripada pelbagai agensi ke WSC. Hasil pemerhatian di WSC perlu dilaporkan kepada agensi masing-masing bagi menambahbaik pencapaian Malaysia di pertandingan kemahiran peringkat dunia.

Penutup

Pengurusetiaan pertandingan kemahiran yang sistematik dan terancang akan dapat merealisasikan pertandingan kemahiran sebagai medan untuk menonjolkan kemahiran dan bakat khususnya kepada peserta yang begitu meminati kemahiran yang diceburinya. Pengendalian pengurusan pertandingan kemahiran yang tidak telus dan tidak berstruktur akan melemahkan motivasi peserta yang menyertai pertandingan kemahiran di ASC dan WSC juga menyebabkan peserta dan agensi tidak mempercayai sistem penilaian yang dilaksanakan. Sekiranya perkara ini berlaku, akauntabiliti penganjur pertandingan akan tercalar.

03 Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM)

Pengenalan

Malaysia sedang mengorak langkah untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Untuk mencapai hasrat ini, negara memerlukan modal insan yang mempunyai kemahiran tinggi yang mampu meningkatkan produktiviti negara. Ianya dapat direalisasikan sekiranya lebih ramai pelajar yang cemerlang di peringkat pendidikan menengah menjadikan aliran kemahiran sebagai salah satu pilihan utama untuk membina kerjaya mereka. Justeru, penganjuran pertandingan kemahiran adalah merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul. Di samping itu, pertandingan kemahiran merupakan landasan untuk menggilap dan mencungkil bakat kemahiran belia untuk diketengahkan ke pertandingan peringkat ASEAN dan seterusnya di peringkat dunia. Dengan yang demikian, ia akan menjadi penanda-aras tentang kemantapan sistem latihan kemahiran negara ini berbanding dengan negara-negara lain.

Sejarah Pertandingan Kemahiran Malaysia

Inisiatif untuk menganjurkan pertandingan kemahiran adalah cetusan idea Perdana Menteri Malaysia ke-4 iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Berikutan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 September 1989 telah membincangkan perkara ini dan memutuskan supaya Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk menganjurkan satu pertandingan menebang pokok dan mengaturkan batu bata dan menyarankan supaya pertandingan kemahiran ini diadakan setiap tahun (KKR, 1989). Beliau juga telah bersetuju untuk menjadi penaung bagi pertandingan ini.

Bertindak di atas keputusan Jemaah Menteri ini, maka pada tahun 1990 bermulalah penganjuran pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan yang dikenali sebagai Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia (PJKM). Pertandingan ini dianjurkan oleh KKR dengan tumpuan diberikan kepada bidang kemahiran ketukangan dalam sektor pembinaan. Sebanyak sebelas

jenis ketukangan dipertandingkan yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu Junior (Belia) dan Terbuka seperti Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1:
Bidang yang dipertandingkan dalam Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia pada tahun 1990

Bil.	Nama Bidang	Lokasi dan Tarikh Pertandingan
1.	<i>Bricklaying</i>	Tempat : Changkat Pavillion, Kuala Lumpur Tarikh : 3 hingga 5 Jun 1990
2.	<i>Plumbing & Heating</i>	
3.	<i>Painting & Decorating</i>	
4.	<i>Cabinetmaking</i>	
5.	<i>Joinery</i>	
6.	<i>Electrical Installation</i>	
7.	<i>Welding</i>	
8.	<i>Sheet Metal Technology</i>	
9.	<i>Construction Metal Work</i>	
10.	<i>Plastering</i>	
11.	<i>Wall & Floor Tiling</i>	

Sumber : Kementerian Kerja Raya

Pada tahun 1991, sekali lagi pertandingan kemahiran ini dianjurkan oleh pihak KKR dari 10 hingga 12 Ogos 1991. Pertandingan ini telah diadakan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam. Kedua-dua kategori iaitu Junior (Belia) dan Terbuka masih dikekalkan seperti tahun sebelumnya. Kategori Terbuka melibatkan 16 bidang ketukangan manakala bagi kategori Junior pula, terdapat 9 bidang kemahiran dipertandingkan seperti Jadual 3.2. Pada pertandingan ini, Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri telah mula diperkenalkan bagi kategori terbuka.

Jadual 3.2:
Bidang yang dipertandingkan dalam Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia tahun 1991

Bil.	Nama Bidang Kemahiran	
	Kategori Terbuka	Kategori Junior (Belia)
1.	<i>Bricklaying</i>	<i>Plumbing & Heating</i>
2.	<i>Plumbing & Heating</i>	<i>Joinery</i>
3.	<i>Painting & Decorating</i>	<i>Cabinetmaking</i>
4.	<i>Cabinetmaking</i>	<i>Plastering</i>
5.	<i>Joinery</i>	<i>Wall & Floor Tiling</i>
6.	<i>Electrical Installation</i>	<i>Electrical Installation</i>
7.	<i>Welding</i>	<i>Electronics Application</i>
8.	<i>Sheet Metal Technology</i>	<i>Fitting</i>
9.	<i>Construction Metal Work</i>	<i>Automobile</i>
10.	<i>Plastering</i>	
11.	<i>Wall & Floor Tiling</i>	
12.	<i>Fitting</i>	
13.	<i>Automobile</i>	
14.	<i>Ladies Dress Making</i>	
15.	<i>Mechanical Eng. Drawing - CAD</i>	
16.	<i>Pelukis Pelan Senibina</i>	

Sumber : Kementerian Kerja Raya



Gambar 3.1
Perdana Menteri YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan pertandingan kemahiran ke-7 Tahun 1996 yang berlangsung di Maktab Perguruan Teknik Cheras, Kuala Lumpur. (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

Pertandingan kemahiran ketiga telah diadakan dari 8 hingga 10 Ogos 1992 dengan kerjasama New Strait Time Press (NSTP), *Masters Builders Association of Malaysia* (MBAM) dan Persatuan Pemborong-Pemborong Bumiputra Malaysia. Tuan rumah bagi pertandingan kali ini ialah Maktab Perguruan Teknik, Cheras dan telah dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya iaitu Datuk Leo Moggie. Pada kali ini, kategori pertandingan Junior dan Terbuka dibahagikan kepada 2 kategori iaitu individu dan berpasukan. Dalam kategori individu sebanyak 14 bidang dipertandingkan manakala bagi acara berpasukan, 2 bidang kemahiran telah dipertandingkan iaitu Mekanik Kenderaan Motor dan Kemahiran Pembinaan Struktur juga Kemasan yang telah dikelolakan MBAM.

Maktab Perguruan Teknik telah menjadi tuan rumah pertandingan kemahiran bagi tahun-tahun 1993 hingga 1996, menjadikan ia sebagai sebuah institusi yang paling kerap menjadi tuan rumah iaitu sebanyak lima kali berturut-turut, sebelum dilangsungkan di CIAST bagi pertandingan kemahiran kelapan tahun 1997 dan Institut Kemahiran Kementah (IKK) yang menjadi tuan rumah bagi pertandingan kemahiran kesembilan yang diadakan pada tahun 1999. Senarai tuan rumah bagi Pertandingan Kemahiran Peringkat Kebangsaan seperti di Jadual 3.3.

Jadual 3.3:**Tuan Rumah bagi Pertandingan Kemahiran Peringkat Kebangsaan bermula Tahun 1990 sehingga 2012**

Tahun Pertandingan	Tempat
1990	Pertama
1990	Changkat Pavillion, Kuala Lumpur
1991	Ke-2
1991	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)
1992	Ke-3
1992	Maktab Perguruan Teknik (MPT), Cheras
1993	Ke-4
1993	Maktab Perguruan Teknik (MPT), Cheras
1994	Ke-5
1994	Maktab Perguruan Teknik (MPT), Cheras
1995	Ke-6
1995	Maktab Perguruan Teknik (MPT), Cheras
1996	Ke-7
1996	Maktab Perguruan Teknik (MPT), Cheras
1997	Ke-8
1997	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILPKL) Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR)
1999	Ke-9
1999	Institut Kemahiran KEMANTAN (PERHEBAT) German-Malaysia Institute (GMI) Cheras
2000	Ke-10
2000	Institut Kemahiran KEMANTAN (PERHEBAT) German-Malaysia Institute (GMI) Cheras
2001	Ke-11
2001	Institut Kemahiran KEMANTAN (PERHEBAT)
2002	Ke-12
2002	Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam Universiti Multimedia (MMU) Cyberjaya Sunway College, Petaling Jaya PROTON Shah Alam ILSAS, Bangi
2003	Ke-13
2003	Esplanade Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
2004	Ke-14
2004	Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam WISDEC Olak Lempit Universiti Multimedia (MMU) Cyberjaya Sunway College, Petaling Jaya ILSAS, Bangi Institut Kraf Negara, Rawang
2005	Ke-15
2005	Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam WISDEC Olak Lempit Universiti Multimedia (MMU) Cyberjaya ILSAS, Bangi

Tahun Pertandingan		Tempat
2006	Ke-16	Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah
		Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam
		WISDEC Olak Lempit
		Universiti Multimedia (MMU) Cyberjaya
		Bak's Creation & Services Senawang
		Hotel UiTM Shah Alam
		Wella Hair Academy Shah Alam
		Institut Kraf Negara, Rawang
2007	Ke-17	Dataran Danga Bay, Johor Bharu
		Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah
		Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam
		Hotel UiTM Shah Alam
		WISDEC Kota Kinabalu
2009	Ke-18	Bak's Creation & Services Senawang
		Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah
		Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam
2010	Ke-19	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat
		Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)
		Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah
2011	Ke-20	Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang
		Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)
		Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah
2012	Ke-21	Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang
		Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)
		Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan

Sumber : Kementerian Kerja Raya

Setelah tiga tahun Malaysia berusaha mencungkil bakat belia dan tenaga mahir untuk diketengahkan dan diberi pengiktirafan peringkat kebangsaan seperti menganugerahkan Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri kepada pemenang pingat emas bagi setiap bidang, maka pada tahun 1993 negara ini telah mula mengorak langkah untuk pergi lebih jauh dalam mengurusapardana latihan kemahiran. Pada tahun 1993, Malaysia telah menjadi ahli *The International Vocational Training Organization* (IVTO), iaitu sebuah badan yang menganjurkan *The International Youth Skills Olympics* iaitu satu pertandingan kemahiran bertaraf dunia. Pada tahun itu juga telah menyaksikan penyertaan Malaysia



Gambar 3.2

Aktiviti sekitar pertandingan berjalan bagi bidang automotif dan pemesinan yang dilaksanakan pada tahun 1993 di Maktab Perguruan Teknik (MPT) Cheras (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)



Gambar 3.3

Aktiviti sekitar pertandingan berjalan bagi bidang tukang kayu, jahitan dan masakan (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

buat pertama kalinya dalam pertandingan kemahiran *The International Youth Skills Olympics* yang diadakan di Taiwan pada 23 Julai hingga 3 Ogos 1993.

Setelah dua dekad KKR memainkan peranan sebagai urusetia penganjuran pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan sebagaimana diarahkan oleh Jemaah Menteri pada tahun 1989, maka dalam mesyuaratnya pada 3hb Mac 2010, Jemaah Menteri telah bersetuju dan memutuskan bahawa Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) mengambil alih penganjuran pertandingan kemahiran di samping mengurusuti pertandingan ASEAN atau *ASEAN Skills Competition* (ASC) dan Pertandingan Kemahiran Dunia atau *World Skills Competition* (WSC) untuk 20 bidang kemahiran. Walau bagaimanapun, pihak

KKR masih diberi mandat untuk mengurussetiakan PKM, ASC dan WSC dalam sembilan bidang kemahiran yang berasaskan pembinaan. Bidang-bidang kemahiran yang dianjurkan oleh JPK dan KKR adalah seperti di Jadual 3.4

Jadual 3.4: Penganjur Pertandingan Kemahiran Malaysia dan bidang kemahiran yang dipertanggungjawabkan Kepada JPK dan KKR

Bil.	Penganjur Bidang Kemahiran	
	Jabatan Pembangunan Kemahiran	Kementerian Kerja Raya
1.	<i>Automobile Technology</i>	<i>Bricklaying</i>
2.	<i>Beauty Therapy</i>	<i>Electrical Installation</i>
3.	<i>Cabinetmaking</i>	<i>Joinery</i>
4.	<i>Cooking</i>	<i>Mechanical Eng. Drawing – CAD</i>
5.	<i>CNC Milling</i>	<i>Painting & Decorating</i>
6.	<i>CNC Turning</i>	<i>Plumbing & Heating</i>
7.	<i>Electronics</i>	<i>Refrigeration</i>
8.	<i>Fashion Technology</i>	<i>Wall & Floor Tiling</i>
9.	<i>Graphic Design Technology</i>	<i>Welding</i>
10.	<i>Hairdressing</i>	
11.	<i>IT Network System Administration</i>	
12.	<i>IT Software Solution For Business</i>	
13.	<i>Mechatronics</i>	
14.	<i>Mould Making</i>	
15.	<i>Restaurant Service</i>	
16.	<i>Web Design</i>	
17.	<i>Batik</i>	
18.	<i>Wood Craft</i>	
19.	<i>Wood Pattern</i>	
20.	<i>Fitting</i>	

Sumber : Jabatan Pembangunan Kemahiran

Pada tahun 2010, sebanyak 20 bidang kemahiran dipertandingkan iaitu sembilan bidang dianjurkan dan dikendalikan oleh JPK manakala selebihnya oleh KKR. Oleh kerana bilangan penyertaan semakin meningkat dari tahun ke

tahun, maka pihak penganjur telah memutuskan untuk menjalankan pertandingan ini dalam dua peringkat, iaitu peringkat pra-kelayakan dan peringkat akhir. Kebaikannya ialah, pertandingan kemahiran ini boleh disaksikan oleh lebih ramai penonton kerana ia dijalankan di beberapa lokasi di seluruh negara. Dengan penganjuran pertandingan kemahiran adalah untuk meningkatkan minat golongan belia dalam latihan kemahiran dan seterusnya melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Peningkatan penyertaan di PKM adalah seperti di Jadual 3.5.

Pada masa yang sama, peningkatan kualiti penganjuran pertandingan dipertingkatkan dari aspek pembangunan soalan pertandingan dan standard pemarkahan melalui bengkel penggubalan soalan. Soalan yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada teknikal deskripsi WSC dan National Occupational Skills Standard (NOSS) oleh panel penggubalan soalan yang mempunyai kepakaran di dalam bidang kemahiran. Soalan pertandingan yang mempunyai standard WSC dan NOSS merupakan strategi JPK dan KKR agar peserta yang bertanding di PKM tidak kekok dengan soalan di ASC mahupun di WSC kelak. Dengan itu, peserta yang telah memenangi pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan boleh diketengahkan sebagai peserta untuk bertanding dalam pertandingan peringkat ASEAN dan juga dunia melalui suatu proses jaminan kualiti yang diyakini.



Gambar 3.4
Aktiviti pertandingan kemahiran yang dianjurkan JPK dan KKR, 2010 - 2012

Jadual 3.5:
Penyertaan peserta ke Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) dari Tahun 2010 hingga Tahun 2013

Bil.	Bidang Kemahiran	Tahun			
		2010	2011	2012	2013
1.	Mechatronics	26	72	56	84
2.	IT Software Solution For Business	-	37	47	87
3.	Electronics	57	72	146	130
4.	Web Design	46	56	57	77
5.	Beauty Therapy	29	22	18	55
6.	Cabinetmaking	-	26	32	38
7.	Fashion Technology	48	44	79	186
8.	Automobile Technology	67	70	70	192
9.	Cooking	44	59	96	145
10.	Restaurant Service	23	43	48	66
11.	Graphic Design Technology	45	65	68	120
12.	IT Network System Administration	76	135	154	120
13.	Hairdressing	46	20	-	44
14.	CNC Milling	-	48	-	-
15.	CNC Turning	-	39	-	-
16.	Mechanical Eng. Drawing - CAD	67	53	108	135
17.	Joinery	34	33	31	32
18.	Bricklaying	57	50	50	65
19.	Electrical Installation	112	110	151	225
20.	Plumbing & Heating	28	30	23	21
21.	Refrigeration	62	79	59	111
22.	Welding	68	88	95	167
23.	Painting & Decorating	6	27	12	27
24.	Wall & Floor Tiling	36	38	35	51
25.	Mould Making	-	26	-	-
26.	Batik	-	35	-	-
Jumlah Besar		977	1377	1435	2178

Pelaksanaan Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM)

JPK, KSM dan KKR adalah sebagai penganjur bersama pertandingan kemahiran telah merangka beberapa kriteria dalam menguruskan pertandingan ini berasaskan bidang kemahiran yang dipertandingkan di WSC agar pelajar yang bertanding dapat memahami kehendak pertandingan dan dapat memberikan pengalaman kepada pelajar yang ingin bertanding di PKM.

a. Pemilihan Peserta PKM

Umur adalah merupakan kriteria utama dalam proses pemilihan peserta yang mana peserta yang berjaya dalam PKM adalah berpeluang untuk mewakili



Gambar 3.6
Sesi pengubalan soalan PKM dan Pertandingan MySkills 2011 anjuran JPK yang telah diadakan di Hotel Seri Malaysia Port Dickson (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

negara untuk menyertai pertandingan kemahiran peringkat serantau dan juga dunia. Sehingga kini, kriteria yang ditetapkan oleh penganjur bagi individu yang ingin menyertai PKM untuk semua bidang, kecuali mekatronik adalah pemohon mestilah seorang warganegara Malaysia, berumur 20 tahun atau ke bawah semasa tahun pertandingan dijalankan dan hanya boleh mengambil di dalam satu bidang sahaja. Bagi bidang mekatronik, had umur yang ditetapkan ialah 23 tahun atau ke bawah semasa tahun pertandingan dijalankan. Pertandingan kemahiran terbuka kepada semua belia yang mengikuti latihan di institusi latihan kemahiran (ILK) sama ada awam mahu pun swasta serta tenaga mahir yang sedang bekerja dalam bidang kemahiran yang dipertandingkan.

b. Pengubalan Soalan Pertandingan

Pengubalan soalan merupakan aktiviti pertandingan kemahiran yang penting yang merangkumi pembangunan soalan praktikal, skema pemarkahan, senarai bahan dan peralatan yang digunakan semasa pertandingan kemahiran. Soalan yang dibangunkan adalah berasaskan kepada *WSC Technical Description* dan *National Occupational Skills Standard* (NOSS). Pengubal soalan adalah terdiri daripada Pakar Negara dalam bidang kemahiran, Ketua Hakim PKM, Hakim PKM dan bekas jurulatih Peserta Negara.

c. Hebahan Pertandingan

Hebahan penyertaan pertandingan kemahiran melalui akhbar, laman web, media elektronik dan surat diedarkan kepada semua kementerian/jabatan/agensi yang berkaitan. Sehingga kini, hebahan melalui kaedah yang dinyatakan di atas telah didapati berkesan dalam menyampaikan maklumat berkaitan. Ini ditunjukkan oleh peningkatan bilangan penyertaan dari setahun ke setahun

dan sudah tentu memberikan pesaingan yang sihat antara institusi latihan apabila semakin banyak institusi yang telah membuka ruang kepada pelatih mereka untuk bertanding seterusnya menaikkan nama institusi latihan itu sendiri.

d. Pelaksanaan Pertandingan Kemahiran Malaysia

Secara umumnya, terdapat dua peringkat dalam pertandingan ini iaitu peringkat pra-kelayakan dan peringkat akhir adalah seperti Jadual 3.6.

Jadual 3.6:
Kaedah Pelaksanaan PKM

Bil.	Perkara	Peringkat Pra-kelayakan	Peringkat Akhir
1	Perlaksanaan pertandingan	i. Dilaksanakan secara tidak berpusat di agensi latihan kemahiran. ii. Agensi latihan perlu menentukan bidang yang dipertandingkan, lokasi dan tarikh pertandingan iii. Pemilihan lokasi pertandingan adalah berdasarkan : a. kemudahan peralatan yang mencukupi b. kesesuaian sebagai lokasi tapak pertandingan c. komitmen sebagai penganjur pertandingan d. penyediaan petugas lokasi yang mencukupi e. penyediaan bahan guna habis	Dilaksanakan secara berpusat dan tapak pertandingan ditentukan oleh JPK/KKR
2	Kos Penganjuran	Agensi latihan/peserta menanggung kos peralatan, bahan gunahabis dan sewaan.	Ditanggung *sebahagian/ sepenuhnya oleh JPK/KKR yang merangkumi kos bahan guna habis, perolehan peralatan,sewaan/utiliti, promosi, penginapan bagi hakim, makan / minum petugas, hakim dan peserta
3	Bentuk ujian	Praktikal sahaja (berbentuk servis atau hasil produk)	Praktikal sahaja (berbentuk servis atau hasil produk)
4	Masa pertandingan	3-8 jam	16-20 jam
5.	Peserta yang layak	Mendapat markah terbaik semasa peringkat pra-kelayakan layak ke peringkat akhir dan telah disahkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal	Pemenang pingat adalah berdasarkan kepada markah terbaik yang diperolehi dan telah disahkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal



Gambar 3.8
Replika Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri

e. Sistem Maklumat Pertandingan atau Competition Information System (CIS)

Skema permarkahan akan dibangunkan oleh panel hakim berdasarkan kepada projek ujian yang dilaksanakan. Semua permarkahan akan direkod dalam sistem khas yang dinamakan sebagai *Competition Information Sistem (CIS)* yang digunakan di dalam WSC. Walaubagaimanapun, sistem permarkahan PKM ini tidak menggunakan sepenuhnya skala 500 mata sepertimana yang dipraktikkan di dalam WSC dan hanya mengambil kira nilai peratusan.

f. Anugerah dan Hadiah

Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri merupakan anugerah tertinggi yang diberikan kepada pemenang terbaik keseluruhan di PKM di samping pingat kemenangan dan insentif wang tunai yang telah disediakan oleh JPK dan KKR. Ianya mula diperkenalkan pada tahun 1991 kepada pemenang di dalam Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia (PJKM) bagi Kategori Terbuka yang berasaskan konsep pekerja mahir yang telah mencapai keunggulan dalam bidang masing-masing. Konsep rekabentuk piala Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri dari tahun 1991 hingga 2012 adalah seperti Gambar 3.8

Pada tahun 2012, Majlis Anugerah Tangan Emas telah diadakan secara gilang gemilang. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin bin Yassin di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 10 Julai 2012. Majlis ini telah dihadiri oleh 5000 warga kemahiran yang terdiri daripada warga agensi awam dan organisasi swasta serta para pengajar dan pelatih daripada agensi latihan awam dan swasta.



Gambar 3.9
Pemenang Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri Tahun 2012 menerima piala dan sijil daripada Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Penganugerahan pingat emas, perak dan gangsa kepada pemenang dinilai berdasarkan kepada pencapaian peserta seperti Jadual 3.7.

Jadual 3.7
Anugerah dan Hadiah

Anugerah	Hadiah	Markah
Emas	RM 5000, sijil dan pingat	85% - 100%
Perak	RM 2500, sijil dan pingat	75% - 84.99%
Gangsa	RM 1500, sijil dan pingat	70% - 74.99%
Sijil Kecemerlangan	*RM 500 dan sijil	65% - 69.99%
Sijil Penyertaan	*RM 500 dan sijil	

* Kehadiran penuh semasa pertandingan akhir (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

Isu Dan Cabaran Pelaksanaan Pertandingan Kemahiran Malaysia

a. Peserta

Penyertaan golongan belia di dalam Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) perlu dipertingkatkan lebih-lebih lagi penyertaan dari institusi latihan swasta dan universiti. Sehingga kini, penganjur menerima banyak penyertaan dari

institusi latihan kemahiran awam yang rata-ratanya telah mengambil maklum mengenai penganjuran PKM. Faktor usia penyertaan yang rendah iaitu 20 tahun dan ke bawah membataskan penyertaan belia di dalam PKM yang mana peserta di usia tersebut masih perlu banyak belajar dan masih kurang arif di dalam bidang kemahiran yang diceburi. Kecuali bagi peserta dari Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik lebih berpotensi kerana mereka telah mempelajari bidang teknikal seawal 13 tahun.

b. Pengajar

Latihan dan pendidikan tenaga pengajar dalam bidang kemahiran teknikal dan vokasional di institusi latihan adalah penting kerana perubahan teknologi di industri terlalu pantas. Latihan dan kemahiran tenaga pengajar dalam bidang kemahiran teknikal di industri perlu diperkasakan dari semasa ke semasa kerana secara tidak langsung ianya dapat meningkatkan kualiti graduan bidang teknikal. Phil (2005) menyatakan bahawa kritikan yang selalu kepada peringkat tenaga pengajar teknikal dan pengamal bidang teknikal terutamanya di kalangan majikan ialah mereka kurang mengikuti perkembangan semasa dan kurang pengalaman atau pengetahuan industri yang berkaitan dan kadangkala mereka tidak biasa dengan had kemajuan teknologi dan juga cara kerja yang wujud dalam tempat kerja yang moden. Berdasarkan kenyataan ini, pengajar teknikal perlu sentiasa melengkapkan diri dengan perkembangan teknologi terkini dan latihan dalam industri untuk meningkatkan kemahiran agar sentiasa seiring dengan keperluan industri seterusnya membangunkan profil latihan kemahiran teknikal untuk tenaga pengajar di pusat latihan masing-masing.

c. Sistem Latihan Yang Berbeza-beza

Tahun 2012 menyaksikan anjakan dalam sistem pendidikan negara apabila 15 buah sekolah menengah vokasional dan teknik dinaik taraf menjadi Kolej Vokasional. Hal ini diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Haji Muhyiddin Mohd. Yassin semasa melancarkan Transformasi Pendidikan Vokasional dan Teknik, pada 6 Januari 2012 lalu. Jika sebelum ini, wujud tanggapan bahawa pendidikan vokasional dan teknik merupakan pendidikan kelas kedua, pengumuman transformasi ini dan pelan tindakan yang disusun bakal merubah tanggapan skeptikal ini, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Melalui bengkel dan mesyuarat teknikal yang sering diadakan di antara pihak kementerian dengan agensi atau institusi latihan didapati bahawa masalah yang paling ketara adalah perbezaan kurikulum di antara agensi atau institusi itu sendiri, jangkamasa latihan pembelajaran yang tidak sama di antara agensi atau institusi dan ada institusi yang menghantar peserta sekadar memenuhi permintaan pihak atasan mereka.

d. Pengiktirafan Kepada Belia Mahir

Masyarakat masih kurang memahami konsep pelaksanaan pertandingan kemahiran dan pengiktirafan kepada belia yang berkemahiran. Dengan memberi pengiktirafan kepada para pemenang PKM ini juga secara tidak langsung diharap dapat mengubah persepsi masyarakat amnya dan para belia khususnya mengenai bidang kemahiran berkolar biru yang mampu memberi pulangan ataupun pendapatan yang tinggi bagi menjamin masa depan kerjaya mereka.

Selain insentif wang tunai kepada pemenang, Kerajaan turut menganugerahkan pemenang dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) melalui kaedah Pengiktirafan Khas Persijilan Pencapaian Terdahulu (PPT). Ganjaran atau insentif tersebut tidak semestinya dalam bentuk wang tunai sahaja, malah peluang untuk mendapat pekerjaan tetap di syarikat-syarikat terkemuka berdasarkan kemahiran peserta juga boleh dijadikan sebagai satu pengiktirafan kepada peserta yang telah berusaha bersungguh-sungguh memenangi di dalam pertandingan ini.

e. Penyertaan dan Penglibatan Industri Di Dalam PKM

Masalah kebolehpasaran dan pengangguran lepasan sekolah dan graduan dapat diatasi apabila sektor industri turut serta dalam merencanakan pembangunan modal insan. Strategi tranformasi ini antaranya termasuklah kerjasama sektor industri dalam memberikan pendedahan dan latihan awal kepada pelajar dan penuntut institusi kemahiran dan pengajian tinggi terhadap bidang tertentu yang memerlukan pekerja mahir atau separa mahir. Kerjasama seperti ini dapat mengelakkan lambakan siswazah dan lepasan sekolah juga institusi latihan kemahiran awam dan swasta yang menganggur. Kerjasama strategik antara pihak kerajaan dan industri perlu ditingkatkan lagi agar perkembangan latihan kemahiran bergerak seiring dengan kemajuan teknologi dan inovasi.

Tan Sri Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, yakin usaha komprehensif dan bersepadu antara sektor awam, swasta dan masyarakat dapat meningkatkan keberkesanan pembangunan modal insan dan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang diperlukan negara. Beliau menekankan bahawa kerjasama antara sektor awam dan swasta bukan sahaja dapat membantu dalam peningkatan kualiti kemahiran, malah dapat memastikan tenaga kerja terlatih bersesuaian dengan keperluan industri (Muhyiddin, 2012). Pihak industri perlu memainkan peranan penting dalam memacu dan menjana ekonomi di Malaysia. Seharusnya peranan industri ini perlu dikembangkan dan diperluaskan dalam mempertingkatkan kemahiran peserta pertandingan kemahiran di Malaysia. Khidmat sosial yang murni ini perlu dipikul oleh pihak industri samada kecil

dan sederhana bukan semata-mata bergantung harap kepada kerajaan sahaja dalam memberi khidmat latihan dan kepakaran kepada peserta pertandingan. Justeru itu, *National Industry Partner* (NIP) telah diwujudkan bagi merealisasikan misi ini.

Selaras dengan hasrat untuk memartabatkan peserta dan pertandingan kemahiran bertaraf dunia, kolaborasi di antara pihak Kerajaan dan Industri perlu dijalinkan. Hal ini perlu kerana pihak industri dapat membantu dari segi memberi latihan yang komprehensif kepada peserta pertandingan, penempatan peserta di industri selama tiga atau enam bulan, latihan gandingan antara tenaga pakar industri dan tenaga pengajar, dan peralatan yang berteknologi tinggi setanding dengan keperluan semasa.

Penutup

Sebagaimana kita sedia maklum, kerajaan sentiasa komited untuk menjadikan rakyat Malaysia sebagai pekerja mahir yang berkemahiran tinggi dan adalah menjadi tanggungjawab kita semua membantu kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan membuka peluang terutama kepada pelajar lepasan sekolah supaya memilih bidang kemahiran sebagai pilihan utama dalam penentuan kerjaya mereka. Justeru, para pelajar, ibu bapa dan masyarakat amnya perlu dididik dan didedahkan dengan lebih meluas tentang betapa pentingnya bidang kemahiran vokasional dalam pembangunan negara dan peluang yang boleh diperolehi melalui kerjaya yang menjurus ke dalam bidang kemahiran ini.

Sektor ekonomi di negara kita kian berkembang pesat dan kita memerlukan lebih ramai tenaga mahir terlatih dalam semua industri samada industri perkhidmatan, pembinaan dan juga perkilangan. Bilangan tenaga mahir terlatih di kalangan warga negara tempatan perlu dipertingkatkan untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing. Ini secara langsung dapat membantu mengurangkan kadar aliran keluar wang negara dan sekaligus meningkatkan tahap ekonomi Malaysia selaras dengan harapan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

04 Pertandingan MySkills

Pengenalan

Pertandingan MySkills mula diperkenalkan pada tahun 2007 dan merupakan pertandingan kemahiran di kalangan tenaga pengajar yang julung kali diperkenalkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Penganjuran pertandingan ini adalah hasil daripada persidangan kemahiran yang telah diadakan pada tahun 2006 yang melibatkan pemenang pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, hakim pertandingan kemahiran, wakil dari agensi kemahiran dan industri. Pertandingan kemahiran yang merupakan aktiviti tahunan JPK diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan, penghargaan dan sebagai pengukur tahap kekompetenan kemahiran dan pengetahuan tenaga pengajar sama ada dari institusi latihan kemahiran awam atau swasta. Bagi mencapai objektif pertandingan ini, soalan digubal berdasarkan deskripsi teknikal *World Skills Competition* (WSC) untuk menguji keupayaan kognitif, kaedah penyampaian dan psikomotor tenaga pengajar.

Berdasarkan kepada Model Konseptual Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia menyatakan terdapat tiga aspek utama yang perlu dimiliki oleh seorang tenaga pengajar iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai (Mak Soon Sang, 2000). Pertandingan MySkills merupakan landasan untuk mengukur tahap kompetensi tenaga pengajar sedia ada yang telah mempunyai pengalaman mengajar dan bekerja di industri dalam bidang yang dipertandingkan. Potensi dan kemahiran tenaga pengajar dapat di cungkil dan seterusnya menjadi sandaran sebagai pengajar pelapis yang dapat memberikan tunjuk ajar kepada pelatih atau belia samada di peringkat institusi latihan, kolej atau universiti khususnya dalam bidang kemahiran yang diceburi.

Merealisasikan Tenaga Pengajar Berkompetensi Melalui Pertandingan MySkills

Pepatah Melayu ada menyebut “Sukakan gaharu kerana baunya, sukakan guru kerana ilmunya” yang membawa maksud sukakan kepada sesuatu itu kerana faedah yang dapat diperoleh daripada seorang tenaga pengajar. Oleh demikian, tenaga pengajar kini perlu melengkapkan diri dengan kemahiran



Gambar 4.1

Aktiviti Pertandingan Bagi Bidang Pemasangan Elektrik, Teknologi Automotif Dan Teknologi Fesyen (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

dan pengetahuan yang selaras dengan teknologi semasa supaya pelatih yang di didik mempunyai pakej yang lengkap sebagai tenaga kerja mahir yang mempunyai kualiti kerja dan pembentukan sahsiah diri yang positif.

Sepertimana dengan agenda yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi mengarusperdana pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) adalah membangunkan tenaga pengajar TEVT yang efektif. Oleh demikian, ianya berpadanan dengan penyertaan tenaga pengajar di Pertandingan MySkills yang memberikan implikasi terhadap pembangunan sistem latihan kemahiran di Malaysia. Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia dalam teras ke-4 (2008) : Memenuhi keperluan tenaga kerja mahir oleh industri ada menyatakan di antara strategi untuk meningkatkan kualiti tenaga pengajar dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia antaranya adalah meningkatkan kekompetenan tenaga pengajar melalui kursus-kursus peningkatan kompetensi, latihan kemahiran, pertandingan kemahiran dan kolokium.

Pertandingan MySkills telah berjaya mencungkil kompetensi dan bakat kemahiran yang dimiliki oleh tenaga pengajar di Malaysia. Zakarno bin Ismail dari Institut Latihan Perindustrian (ILP) Bukit Katil Melaka adalah antara tenaga pengajar yang telah berjaya memenangi anugerah Platinum dalam Pertandingan MySkills 2007 dalam bidang kimpalan. Pencapaian dan kejayaan tenaga pengajar ini perlu dicontohi oleh tenaga pengajar lain sebagai motivasi dalam lapangan kemahiran yang diceburi. Tenaga pengajar yang kompeten mampu menghasilkan pelatih yang mahir dalam bidang. Contohnya, Roslan bin Zulkifli yang merupakan tenaga pengajar dari ADTEC Shah Alam adalah peserta pertandingan pada tahun 2008 dan telah memenangi pingat perak merupakan pakar negara kepada Muhammad Aizat bin Shaari yang merupakan peserta yang memenangi pingat perak di ASC 2012. Testimoni tenaga pengajar yang berjaya ini diharap mampu membuka dimensi baru dalam latihan



Gambar 4.2

Aktiviti pertandingan bagi bidang teknologi rekabentuk grafik, kimpalan dan elektronik (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

kemahiran agar lebih ramai tenaga pengajar yang berkompentensi dihasilkan melalui Pertandingan MySkills.

Pelaksanaan Pertandingan MySkills Dengan Acuan JPK

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah memperkenalkan bidang kemahiran di dalam Pertandingan MySkills berasaskan bidang kemahiran di WSC agar peserta yang bertanding mengalami dan memahami kehendak soalan pertandingan mengikut bidang kemahiran agar dapat memberikan pengalamannya semasa pertandingan kepada pelatih yang ingin bertanding di pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan iaitu Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM). Tenaga pengajar yang menyertai pertandingan kemahiran ini akan diuji sama ada untuk menghasilkan produk dan servis berdasarkan bidang kemahiran yang diceburi. Bidang-bidang kemahiran yang dianjurkan dalam Pertandingan MySkills adalah berlandaskan kepada bidang-bidang kemahiran yang dipertandingkan di WSC seperti Jadual 4.1.

Jadual 4.1

Bidang-Bidang Kemahiran Yang Dianjurkan dalam Pertandingan MySkills Dari Tahun 2007 Hingga 2013

Bil	Bidang (WSC 2012)	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	<i>Polymechanics/Automation</i>	-	Demo	√	-	-	-	-
2.	<i>Mechatronics mekatronik</i>	√	√	√	√	-	√	-
3.	<i>Mec. Engn. CADD</i>	√	√	√	-	√	-	√
4.	<i>CNC Turning</i>	-	√	√	-	√	-	-
5.	<i>CNC Milling</i>	-	√	√	-	√	-	-
6.	<i>IT Software Solutions For Business</i>	√	√	√	√	√	-	-
7.	<i>Welding</i>	√	√	√	√	-	-	-
8.	<i>Wall & Floor</i>	-	√	√	-	-	√	-

smbg.

Bil	Bidang (WSC 2012)	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
9.	Plumbing and Heating	-	√	√	-	-	-	-
10.	Electronics	√	√	√	√	√	-	√
11.	Web Design	√	√	√	√	√	-	√
12.	Electrical Installations	√	√	√	√	-	√	-
13.	Industrial Control	-	Demo	√	-	-	-	-
14.	Bricklaying	-	√	√	-	-	-	-
15.	Cabinetmaking	√	√	√	-	√	-	-
16.	Joinery	-	√	√	-	-	-	-
17.	Carpentry	-	√	√	-	-	-	-
18.	Beauty Therapy	-	√	√	-	-	√	-
19.	Fashion Technology	√	√	√	-	√	-	√
20.	Automobile Technology	√	√	√	√	√	-	√
21.	Landscape Gardening	Demo	√	√	-	-	-	-
22.	Refrigeration and Air Conditioning	-	√	√	-	-	√	-
23.	IT Network Systems Administration	√	√	√	√	√	-	√
24.	Graphic Design Technology	-	√	√	√	√	-	√
25.	Mobile Robotics	-	Demo	√	-	-	-	-
26.	Mould Making	-	√	√	-	√	-	-
27.	Floristry	Demo	√	-	-	-	-	-
28.	Hairdressing	-	√	-	-	-	√	-
29.	Pastry And Confectionery	-	√	-	-	-	-	-
30.	Batik	Demo	√	-	√	-	√	-
31.	Cooking	√	√	-	-	√	-	-
32.	Restaurant Service	-	√	-	-	√	-	-
Jumlah		12 bidang (3 demo)	29 bidang (3 demo)	26 bidang	10 bidang	15 bidang	7 bidang	7 bidang

Sumber : Laporan Tahunan Pertandingan Kemahiran, JPK

Perlaksanaan Pertandingan MySkills dibahagikan kepada tiga (3) peringkat iaitu saringan, pra-kelayakan dan akhir. Melalui pertandingan ini para peserta diuji tentang kemahiran menyelesaikan masalah di samping menguji pengetahuan mereka dalam menganalisa dan membangunkan produk atau perkhidmatan berdasarkan soalan di dalam pertandingan. Ujian saringan merupakan ujian teori dengan 60 soalan dengan empat pilihan jawapan dan peserta yang lulus ujian teori dengan pencapaian 50 peratus dan ke atas adalah layak ke pertandingan seterusnya iaitu peringkat pra-kelayakan.

Pada peringkat pra-kelayakan, peserta dikehendaki melakukan ujian praktikal yang dilaksanakan dari tiga hingga enam jam. Mulai tahun 2013, peserta yang berjaya menempatkan diri ke peringkat akhir bukan sahaja di uji kompetensi mereka melalui ujian praktikal semata-mata yang dilaksanakan selama 14 jam



Gambar 4.3
Pemenang di Pertandingan MySkills menerima sijil dan piala di Perhimpunan Perdana Warga Kemahiran, 10 Julai 2012
(Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

dengan markah lulus adalah sebanyak 100 peratus, malah mereka akan di uji dalam kaedah pengajaran yang mana markah lulus adalah 60 peratus. Kaedah penilaian ini diperkenalkan bertujuan untuk memastikan tenaga pengajar bukan sahaja trampil dalam kemahiran malah berupaya menyampaikan topik yang perlu disampaikan iaitu sub-modul projek ujian kepada panel penilai.

Seseorang pengajar dikatakan mempunyai teknik pengajaran yang berkesan sekiranya dia dapat menyampaikan sesuatu topik dengan jelas dan mudah difahami. Menurut Esah Sulaiman (2004), teknik pengajaran adalah kemahiran yang diaplikasi oleh tenaga pengajar untuk menjadikan kaedah pengajaran berkesan dan mencapai objektif dan tenaga pengajar perlu menguasai strategi pengajaran dan sentiasa memperbaharui dan mengubahsuai strategi pengajaran bagi menjayakan pengajaran serta mencapai objektif pengajaran. Ianya selaras dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar (*student-centered*) yang mana tenaga pengajar perlu kreatif dan inovatif semasa menyampaikan pengajarannya di dalam kelas.

Elemen dalam kaedah pengajaran ini dijadikan sebagai nilai tambah yang merangkumi aspek kreativiti dan inovatif dalam pengajaran di samping untuk mengenalpasti tahap kompetensi tenaga pengajar dalam situasi sebenar proses pengajaran dan pembelajaran. Selain kemahiran yang dimiliki, tenaga pengajar perlu berupaya untuk menyampaikan pengajarannya dengan berkesan kerana pengalaman kerja, kemahiran dan pengetahuan yang berbeza-beza di kalangan tenaga pengajar menimbulkan masalah dalam kecekapan penyampaian pengajaran di kalangan tenaga pengajar. Justeru, melalui Pertandingan MySkills, kecemerlangan tenaga pengajar dapat di uji secara menyeluruh melalui penilaian teori, praktikal dan kaedah mengajar.

Insentif berbentuk wang tunai adalah antara hadiah yang ditawarkan di samping anugerah berbentuk pingat dan sijil. Ia diharapkan dapat memotivasikan penyertaan tenaga pengajar di pertandingan kemahiran ini. Motivasi mempunyai hubungan yang rapat dengan tingkah laku manusia. Menurut Santrock (2001), motivasi adalah sebab-sebab yang mendorong manusia melakukan pelbagai perbuatan bagi mencapai matlamat di mana ianya mendorong, mengarah dan mengekalkan sesuatu tingkah laku manusia. Penganjur juga telah menetapkan aras markah yang tinggi dan penganugerahan pingat dan insentif wang tunai dalam Pertandingan MySkills adalah seperti Jadual 4.2 di bawah.

Jadual 4.2:
Penganugerahan pingat dalam Pertandingan MySkills

Pemenang	Hadiah
Platinum	Piala, sijil dan RM 10,000.00
Emas	Sijil dan RM 7,000.00
Perak	Sijil dan RM 5,000.00
Gangsa	Sijil dan RM 3,000.00
Sijil Kecemerlangan	Sijil Kecemerlangan dan RM500.00
* Sijil Penyertaan	Sijil penyertaan dan RM 500.00

*Sijil penyertaan dengan kehadiran penuh di Pertandingan MySkills peringkat akhir
(Sumber : Jabatan Pembangunan Kemahiran)

Tenaga pengajar yang ingin menyertai pertandingan ini dikenakan yuran sebanyak RM100 dan dibenarkan untuk menyertai satu bidang kemahiran dalam satu masa. Penganjur pertandingan MySkills telah menarik minat penyertaan tenaga pengajar dari pelbagai agensi untuk menyertainya. Di samping itu, agensi juga menjadikan pencapaian tenaga pengajar dalam pertandingan ini sebagai penanda-aras untuk mengukur tahap kompetensi yang dimiliki oleh tenaga pengajar mengikut bidang masing-masing. Ianya selaras dengan cabaran perubahan teknologi semasa dan persekitaran yang memerlukan tenaga pengajar menjadi seorang yang berkemahiran tinggi serta boleh menyesuaikan diri dengan keadaan semasa.

Penyertaan yang tinggi dari kalangan tenaga pengajar dari institusi latihan awam di Pertandingan MySkills sejak tahun 2007 menunjukkan minat dan keberanian tenaga pengajar ini menahapi cabaran di dalam pertandingan



Gambar 4.4
Aktiviti pertandingan bidang menjubin dinding & lantai dan masakan (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

kemahiran juga galakkan dari agensi supaya tenaga pengajar mengambil peluang untuk menguji kemahiran dan pengetahuan mereka dalam bidang yang diceburi. Kebanyakan penyertaan adalah di kalangan tenaga pengajar yang terdiri daripada institusi latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Luar Bandar dan Kemajuan Wilayah (KKLW) seperti Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Poly-Tech MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan Pusat Giatmara.

JPK melaksanakan bidang kemahiran di pertandingan ini secara bergilir yang mana bidang kemahiran yang telah dianjurkan pada tahun sebelumnya tidak akan dianjurkan pada tahun seterusnya. Ianya disebabkan oleh kos penganjuran pertandingan yang tinggi yang disebabkan oleh peningkatan kos bahan gunahabis dan sewaan peralatan. Berdasarkan kepada Laporan Pertandingan MySkills Tahun 2007 hingga 2012, bidang kemahiran yang sering mendapat sambutan penyertaan yang tinggi di kalangan tenaga pengajar adalah kimpalan, rekabentuk kejuruteraan mekanikal (CAD), pemasangan elektrik, teknologi automotif, teknologi fesyen, dan elektronik. Manakala bidang kemahiran yang kurang mendapat sambutan adalah *polymechanics/automation*, terapi kecantikan, kawalan industri dan robotik bergerak.

Perincian maklumat tentang bilangan penyertaan tenaga pengajar di Pertandingan MySkills mengikut bidang kemahiran dari tahun 2007 hingga 2012 adalah seperti dalam Jadual 4.3. Pencapaian tenaga pengajar berdasarkan agensi adalah seperti di paparkan dalam Lampiran A manakala senarai pemenang Pertandingan MySkills dari tahun 2007 hingga 2012 adalah seperti dalam Lampiran B.

Jadual 4.3:**Bilangan Penyertaan Peringkat Akhir Dari 2007 Hingga 2013**

Bil	Bidang	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	Polymechnics/Automation	-	2	2	-	-	-	-
2.	Mechatronics	5	6	6	2	-	6	-
3.	Mec. Engn. CADD	8	8	8	-	8	-	9
4.	CNC Turning	-	6	4	-	5	-	-
5.	CNC Milling	-	6	6	-	6	-	-
6.	IT Software Solutions For Business	8	20	8	8	0	-	-
7.	Welding	8	8	8	8	8	-	-
8.	Wall & Floor Tilling	-	-	4	-	-	8	-
9.	Plumbing	-	6	4	-	-	-	-
10.	Electronics	8	8	8	8	8	-	8
11.	Web Design	8	8	3	4	4	-	6
12.	Electrical Installations	8	-	8	8	-	8	-
13.	Industrial Control	-	4	3	-	-	-	-
14.	Bricklaying	-	8	8	-	-	-	-
15.	Cabinetmaking	8	8	8	-	8	-	-
16.	Joinery	-	8	6	-	-	-	-
17.	Carpentry	-	8	8	-	-	-	-
18.	Beauty Therapy	-	8	2	-	-	1	-
19.	Fashion Technology	8	8	-	-	8	-	12
20.	Automobile Technology	5	6	6	6	6	-	6
21.	Landscape Gardening	-	10	10	-	-	-	-
22.	Refrigeration And Air Condititoning	-	6	6	-	-	8	-
23.	IT Network Systems Adminstration	8	-	8	8	8	-	8
24.	Graphic Design Technology	-	8	10	8	3	-	8
25.	Mobile Robotics	-	-	4	-	-	-	-
26.	Mould Making	-	8	6	-	8	-	-
27.	Floristry	-	8	-	-	-	-	-
28.	Hairdressing	-	8	8	-	-	8	-
29.	Pastry And Confectionery	-	8	-	-	-	-	-
30.	Batik	-	8	-	5	-	8	-
31.	Cooking	-	-	-	-	8	-	-
32.	Restaurant Service	8	8	-	-	8	-	-
Jumlah		90	208	162	65	96	47	57

Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran



Gambar 4.5
Aktiviti pertandingan bidang mekatronik dan pemasangan elektrik (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

Isu Dan Cabaran Dalam Pertandingan MySkills

Sepanjang mengendalikan Pertandingan MySkills, JPK telah mengenalpasti beberapa isu yang perlu di beri perhatian dan ditambahbaik agar pelaksanaan pertandingan ini dapat diadakan dengan lebih baik lagi di masa-masa akan datang. Isu-isu yang diperolehi ini adalah hasil dari maklumbalas yang diterima dalam sesi post mortem Pertandingan MySkills yang diadakan setiap kali pertandingan selesai dijalankan. Antara cabaran yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

i. Penyertaan Rendah

Bilangan penyertaan tenaga pengajar dari industri dan Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) masih di tahap rendah. Walau bagaimana pun, ada sesetengah pihak yang menganggap kurangnya promosi merupakan antara punca utama penyertaan dari tenaga pengajar dari kalangan industri dan institusi latihan swasta agak kurang memberangsangkan. Hujah yang lebih realistik ialah kebanyakan ILKS terlibat dalam program latihan bagi bidang “bukan teknologi” seperti masakan, pembuatan pakaian, penggunaan komputer, hospitaliti dan yang seumpamanya, manakala bidang yang dipertandingkan kebanyakannya berasaskan “teknologi dan kejuruteraan” seperti teknologi automotif, pemesinan dan sebagainya. Bidang-bidang sebegini kebanyakannya ditawarkan di ILKA kerana pelaburannya yang tinggi.

Bagi sesetengah agensi ILKA menjadikan pencapaian tenaga pengajar di dalam pertandingan ini sebagai pencapaian yang dinilai dalam kerjaya yang mana ianya sedikit sebanyak menggugat keyakinan diri (fear factor) tenaga pengajar untuk bertanding dan bebanan kepada mereka sekiranya kalah dalam pertandingan. Mereka bukan sahaja berhadapan dengan pihak pengurusan malah terpaksa berdepan dengan persepsi pelajar dan orang sekeliling.

Pengulangan penyertaan dari tenaga pengajar yang sama dalam pertandingan yang mana kebanyakan dari tenaga pegajar ini telah mempunyai pengalaman bertanding di peringkat ASEAN iaitu di *ASEAN Skills Competition (ASC)* dan *World Skills Competition (WSC)* sebelum dilantik ke dalam jawatan sebagai tenaga pengajar.

Penyertaan peserta di dalam pertandingan ini adalah masih rendah khususnya kepada tenaga pengajar lepasan universiti di dalam bidang kemahiran antaranya kimpalan, pemesinan, mekatronik dan automasi.

ii. Kompetensi Kemahiran Yang Perlu Dipertingkatkan

Tahap kompetensi tenaga pengajar masih di tahap rendah khususnya bagi bidang-bidang kemahiran seperti *IT Software Solution for Business*, pemesinan CNC, Rekabentuk Laman Web, Teknologi Rekabentuk Grafik dan antara faktornya adalah keyakinan diri rendah, kurang membuat persediaan semasa menghadapi pertandingan dan lemah dalam pengaturcaraan.

iii. Kerjasama Strategik Bersama Industri

Memperkemarkan kerjasama strategi dengan industri di dalam menganjurkan Pertandingan MySkills yang mana syarika dan industri masih kurang berminat untuk menaja pertandingan kemahiran ini. Kekurangan penajaan dari kalangan syarikat swasta bermakna kos penganjuran pertandingan dibiayai oleh Kerajaan. Ia merangkumi kos bahan gunahabis, peralatan dan hadiah kepada pemenang. Walaupun pihak JPK telah memperolehi peruntukan yang diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan untuk menganjurkan pertandingan ini, namun begitu dengan adanya penaja untuk menyumbang hadiah kemenangan, mesin berteknologi tinggi dan bahan gunahabis yang setara dengan perkembangan teknologi, ianya dapat memotivasikan tenaga pengajar di samping merangsang minat pelajar untuk berjaya dalam bidang kemahiran.

iv. Pengiktirafan Pemenang

Pemenang yang berjaya dalam Pertandingan MySkills di beri layanan yang sama dengan tenaga pengajar yang lain iaitu tiada keistimewaan untuk kenaikan pangkat atau pengiktirafan sebagai tenaga pengajar pakar oleh agensi atau organisasi berkaitan. Namun begitu, terdapat agensi yang telah memberikan pengiktirafan kepada pemenang di pertandingan ini.

v. Tahap Kompetensi Tenaga Pengajar Yang Berbeza-beza

Kompetensi dan latar belakang tenaga pengajar yang berbeza-beza merupakan salah satu faktor yang menyumbangkan kepada kemenangan atau kekalahan peserta di dalam Pertandingan MySkills. Tenaga pengajar yang telah

mempunyai pengalaman bekerja di industri mempunyai tahap kompetensi dan praktikal yang lebih baik berbanding lepasan universiti dan tidak mempunyai pengalaman bekerja di industri.

Memperluaskan Perlaksanaan Pertandingan MySkills ke ASEAN

Mulai tahun 2009, Pertandingan MySkills telah diperluaskan ke peringkat ASEAN dengan menjemput peserta dari negara-negara ASEAN untuk menyertai empat bidang kemahiran iaitu elektronik industri, kimpalan, pemasangan elektrik, dan *Industrial dan IT/PC Network Support*. Pertandingan MySkills-ASEAN yang dianjurkan pada tahun 2009 telah disertai oleh Indonesia, Thailand, Vietnam, Lao PDR, Cambodia, Filipina dan Malaysia selaku tuan rumah. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat kemahiran tenaga pengajar dari negara ASEAN di samping mewujudkan jaringan hubungan kerjasama bagi kalangan peserta dari negara ASEAN. Juga, mewujudkan kongsi kepakaran di kalangan negara ASEAN dapat diadaptasi melalui pertandingan kemahiran. Antara manfaat Pertandingan MySkills-ASEAN adalah ia dapat memartabat dan mempromosikan latihan kemahiran di rantau ASEAN dan tenaga pengajar dapat menimba dan memperluaskan pengalaman melalui pertandingan sebegini.

Pertandingan MySkills turut diadakan pada tahun 2010 yang telah dijalankan di CIAST, Shah Alam. Sebanyak enam bidang kemahiran dipertandingkan iaitu bidang Teknologi automotif, rekabentuk web, pentadbiran system rangkaian IT, elektronik, kimpalan, dan pemasangan elektrik. Pertandingan ini telah menarik minat 38 orang peserta untuk menyertainya yang terdiri dari Malaysia seramai 6 peserta, Indonesia (6), Thailand (4), Vietnam (6), Cambodia (6), Philippines (6) dan Lao PDR (4) seperti di Jadual 4.4.

Jadual 4.4:
Penyertaan Negara ASEAN di Pertandingan MySkills 2010

No.	ASEAN Countries	Bidang Kemahiran Yang DiPertandingkan						Total
		Auto	Web Design	IT/PC Network Support	Industrial Electronics	Welding	Electrical	
1	Malaysia	√	√	√	√	√	√	6
2	Indonesia	√	√	√	√	√	√	6
3	Thailand	√	X	X	√	√	√	4
4	Vietnam	√	√	√	√	√	√	6
5	Cambodia	√	√	√	√	√	√	6
6	Philippines	√	√	√	√	√	√	6
7	Lao PDR	X	√	√	X	√	√	4
Total		6	6	6	6	7	7	38

Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran

Pencapaian tenaga pengajar negara kita dalam Pertandingan MySkills 2010 amat memberangsangkan di mana mereka berjaya memungut enam pingat emas dalam kesemua bidang kemahiran yang dipertandingkan. Pencapaian yang cemerlang ini menunjukkan para pengajar yang menyertai pertandingan ini telah bersedia dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan mental bagi menghadapi saingan di peringkat yang lebih tinggi seperti pertandingan peringkat ASEAN ini. Pencapaian keseluruhan mengikut negara adalah seperti dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.5:
Pencapaian Tenaga Pengajar dalam Pertandingan MySkills ASEAN 2010

Bil	Bidang	Penyertaan Negara ASEAN di Pertandingan MySkills ASEAN 2010						
		Malaysia	Indonesia	Thailand	Cambodia	Vietnam	Laos	Filipina
1	Automobile Technology	Emas	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan	-	Sijil Penyertaan
2	Electrical Installations	Emas	Gangsa	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan
3	Electronics	Emas	Gangsa	Perak	Sijil Kecemerlangan	Sijil Kecemerlangan	-	Sijil Kecemerlangan
4	IT Network System Administration	Emas	Perak	-	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan	Gangsa	Sijil Penyertaan
5	Web Design	Emas	Sijil Penyertaan	-	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan
6	Welding	Emas	Sijil Penyertaan	Perak	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan	Sijil Penyertaan

Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran

Usaha yang telah dibuat oleh JPK dalam menganjurkan pertandingan MySkills-ASEAN telah memberi banyak faedah kepada pelbagai pihak dan seharusnya diteruskan di masa-masa akan datang dengan nama pertandingan yang lebih khusus seperti *ASEAN Trainers Skills Competition* (ATSC). Namun begitu, kos penganjuran yang tinggi di samping komitmen penyertaan dari negara ASEAN kurang memberangsangkan (tidak semua negara anggota ASEAN menyertainya), membataskan langkah JPK untuk mengusulkan pertandingan ini kepada pihak sekretariat ASEAN yang terletak di Jakarta, Indonesia. Sekiranya ada permintaan dari kalangan negara ASEAN, tidak mustahil pertandingan kemahiran ini mampu dijalankan seiring dengan ASC yang telah dianjurkan sejak tahun 1995.

Penutup

Pertandingan MySkills mempunyai falsafah dan objektif penganjurannya bagi meningkatkan kompetensi tenaga pengajar di institusi latihan kemahiran awam dan swasta. Tenaga pengajar yang berkemahiran dapat menghasilkan pelajar yang berkualiti dan mahir dalam bidang juga dapat menampung pekerja mahir dan separa mahir di Malaysia. Menurut Model Baru Ekonomi (MBE), pekerja tidak mahir dan separa mahir di Singapura, Korea dan Taiwan jauh lebih tinggi memberi sumbangan terhadap pembangunan negara berbanding Malaysia. Dan pada masa yang sama bidang kemahiran kini kurang mendapat sambutan di kalangan pelajar dan siswazah universiti dan salah satu faktor tarikan kepada pelajar ke bidang teknikal dan vokasional adalah tenaga pengajar yang berkemahiran dan mampu merancang proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik.

Pihak industri harus memberikan tanggungjawab sosial korporat atau *corporate social responsibility* (CSR) sepertimana yang dicanangkan supaya bersama-sama pihak Kerajaan untuk memberi sumbangan dan penajaan dalam pertandingan kemahiran seperti bahan gunahabis, menyediakan pakar dalam bidang untuk dilantik sebagai hakim dan penggubal soalan, menawarkan hadiah yang menarik kepada peserta yang bertanding dan bersama-sama dengan JPK untuk mempromosikan pertandingan ini di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Seharusnya penganjuran pertandingan kemahiran sebegini dapat membuka mata agensi latihan dan umum mengenai hasrat Jabatan untuk memberi ruang

dan peluang kepada setiap pengajar kemahiran dalam bidang yang diceburi melalui pertandingan yang dianjurkan. Kerjasama strategik bersama-sama institusi kemahiran dan industri yang bersedia sebagai penganjur pertandingan dan penaja mengikut bidang kemahiran demi untuk pembangunan tenaga pengajar yang memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan yang berkemahiran tinggi. JPK turut menggalakkan agensi untuk memberikan insentif yang relevan dengan kemahiran tenaga pengajar agar peluang dan ruang kepada mereka dalam bidang kemahiran dapat diperluaskan.

05 Pertandingan Kemahiran Peringkat Serantau: ASEAN Skills Competition (ASC)

Sejarah Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASC)

Cetusan idea untuk mengadakan pertandingan kemahiran peringkat serantau telah dilahirkan melalui inisiatif *Asia and Pacific Skills Development Programme (APSDEP)* yang berpejabat di Bangkok, Thailand. Pada November 1992, APSDEP telah menganjurkan satu seminar berkaitan dengan pembangunan kemahiran melalui pertandingan di peringkat kebangsaan serta serantau yang diadakan di Chiba, Jepun. Seminar ini telah menghasilkan satu resolusi di kalangan para peserta untuk memulakan pertandingan kemahiran serantau. Seterusnya, satu mesyuarat iaitu '*Preparatory Meeting on ASEAN Skills Competition*' telah diadakan pada 7hb hingga 17hb September 1993 yang dianjurkan oleh APSDEP di Chiba, Jepun dan dihadiri oleh empat negara ASEAN iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina dan Thailand.

Mesyuarat tersebut telah berbincang dan bersetuju supaya satu pertandingan kemahiran di kalangan negara-negara anggota ASEAN diadakan secara berkala dan digilirkan penganjurannya. Mesyuarat tersebut juga merumuskan pelan tindakannya. Seterusnya keputusan mesyuarat di Chiba telah dibentangkan dalam Persidangan Menteri-Menteri Buruh ASEAN dan Mesyuarat Pegawai Kanan Buruh ASEAN atau *ASEAN Senior Labour Officials Meeting (SLOM)* untuk mendapatkan persetujuan negara anggota. Akhirnya, pada Mei 1994, Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN kesepuluh yang telah diadakan di Singapura telah mengumumkan persetujuan bagi mewujudkan Pertandingan Kemahiran ASEAN atau '*ASEAN Skills Competition*' (ASC). Juga dipersetujui supaya pertandingan ini dianjurkan setiap dua tahun sekali secara bergilir-gilir di kalangan negara ASEAN. Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah bagi ASC yang pertama, berlangsung dari 15 hingga 21 Ogos 1995 di Kuala Lumpur.

Pertandingan ini telah berjalan hingga ke hari ini dengan peningkatan penyertaan dari semasa ke semasa. Faedah dari inisiatif ini telah diiktiraf oleh

Presiden *WorldSkills International* dalam buku laporan *WorldSkills ASEAN* tahun 2010 yang menyatakan bahawa

“Regional Competitions are an integral part of the WorldSkills movement; reaching out across the world to raise the awareness of what a career in the skills, trade and technologies can do for people” (Tjerk Dusseldorp, 2012).

Kepentingan Penyertaan Pertandingan Kemahiran Peringkat Serantau

Pertandingan Kemahiran ASEAN ialah satu pertandingan kemahiran di kalangan negara-negara ASEAN di mana belia-belia mahir yang berumur 22 tahun dan ke bawah bertanding dalam pelbagai bidang kemahiran vokasional untuk diiktirafkan sebagai yang terbaik dan unggul.

ASC merupakan inisiatif yang sangat baik dan mempunyai pelbagai tujuan bagi kepentingan negara ASEAN seperti dijelaskan oleh Menteri Kerja Raya Malaysia, YB Dato Ir. Mohd Zin bin Mohamed, dalam buku pertandingan ASC ke-7. Beliau menyatakan bahawa

“The ASC provides an important platform for close cooperation among ASEAN member countries in skills training and development. Through the ASC, it is hope that the standard and quality of technical and vocational training in the region will be enhanced and a new generation of highly skilled workforce will be developed to meet the needs of industries in facing the challenges of globalization” (Mohd Zin Mohamed, 2008)

Merujuk kepada buku laporan penganjuran ASC ke-7, pertandingan ini adalah amat penting diadakan dan mempunyai objektif yang penting dalam usaha untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran. Antara objektif pertandingan ini diadakan adalah:

- a) Untuk mempromosikan pembangunan kemahiran vokasional dan teknikal yang berkualiti serta nilai kerja di antara golongan belia dan pekerja mahir.
- b) Untuk mengeratkan kerjasama teknikal dalam pendidikan dan latihan vokasional/teknikal di antara negara-negara ASEAN.
- c) Untuk mengalakkan kerjasama rapat antara kerajaan, industri, organisasi majikan serta pekerja, dan institusi latihan vokasional.
- d) Untuk menjadi platform bagi mengiktirafkan kecemerlangan dalam kerja dan membangunkan satu generasi pekerja yang berkemahiran tinggi.
- e) Menambah taraf kualiti kemahiran Negara-negara ASEAN agar setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Pengurusan ASEAN Skills Competition

Malaysia melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) yang kini dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah dikenalpasti sebagai kementerian/agensi yang bertanggungjawab dalam menganjurkan ASC. Pemilihan ini adalah berdasarkan persetujuan Jemaah Menteri pada 17 Februari 1993 yang mana MLVK adalah berperanan sebagai Delegat Rasmi (*Official Delegate*) dalam urusan pertandingan kemahiran peringkat dunia dan ASEAN. Delegat Rasmi adalah dilantik sebagai ahli dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penganjur (*Organizing Committee Meeting*) dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (*Technical Committee Meeting*) bagi pertandingan kemahiran peringkat ASEAN dan dunia. Walau bagaimanapun, tanggungjawab penyelarasan ASC dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kerja Raya sejak dari tahun 1997.

Mutakhir, berdasarkan persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 3 Mac 2010 telah bersetuju dan memutuskan bahawa KSM melalui JPK mengambilalih semula tanggungjawab untuk menguruskan penyertaan ke ASC untuk semua sektor industri kecuali bagi sektor pembinaan yang terus diuruskan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Bahagian Pemantauan Agensi dan Kemahiran (BPAK).



Gambar 5.1
Mesyuarat Jawatankuasa Penganjur bagi ASC Pertama yang diadakan pada 15 Ogos 1995 di Kuala Lumpur



Gambar 5.2
Pertandingan Kemahiran ASEAN yang pertama telah berlangsung pada 12 hingga 22 Ogos 1995 di Kuala Lumpur

Pertandingan Kemahiran ASEAN yang pertama telah berlangsung pada 12 hingga 22 Ogos 1995 di Kuala Lumpur. Pertandingan ini telah melibatkan penyertaan negara Filipina, Indonesia, Thailand dan Malaysia. Sebanyak enam bidang kemahiran telah dipertandingkan merangkumi bidang pemesinan (*turning*), pertukangan kayu (*carpentry*), pendawaian (*house wiring*), pembuatan pakaian wanita (*ladies' dressmaking*), kimpalan (*welding*) dan mekanik automobil (*automobile mechanic*).

Pertandingan Kemahiran ASEAN telah berkembang sejak ianya bermula dari tahun 1995, dengan penganjurannya dua tahun sekali di mana negara-negara ASEAN yang terlibat akan menjadi tuan rumah secara bergilir. Bilangan penyertaan di kalangan negara ASEAN dan bidang yang dipertandingkan telah meningkat dari semasa ke semasa seperti yang ditunjukkan di Jadual 5.1.

Malaysia memberikan sokongan yang padu dalam pelaksanaan pertandingan ini ke arah mengiktiraf belia-belia yang berkemahiran tinggi setaraf di peringkat antarabangsa. Justeru, Malaysia telah menyertai dalam setiap kali penganjuran ASC sejak mula diadakan dari tahun 1995.

Penganjuran ASC adalah berdasarkan kepada skop dan bidang kemahiran yang dipertandingkan di dalam Pertandingan Kemahiran Dunia (WSC). Sehingga kini sebanyak 22 bidang kemahiran telah dipertandingkan di ASC walaupun di peringkat WSC terdapat 45 bidang kemahiran yang dipertandingkan daripada enam sektor industri yang terlibat iaitu pengangkutan & logistik; bangunan dan pembinaan; teknologi kejuruteraan & pembuatan; teknologi maklumat & komunikasi; seni kreatif & fesyen dan perkhidmatan sosial & personal.

Jadual 5.1:**Penganjuran Pertandingan Kemahiran ASEAN dari tahun 1995 hingga 2012**

Tahun	Tuan Rumah		Bilangan Penyertaan	Bilangan Bidang Kemahiran
	Negara	Tempat		
1995	Malaysia	Kuala Lumpur	4	6
1996	Filipina	Manila	4	10
2001	Thailand	Bangkok	7	12
2002	Indonesia	Jakarta	8	12
2004	Vietnam	Hanoi	8	14
2006	Brunei	Bandar Seri Begawan	9	12
2008	Malaysia	Kuala Lumpur	10	19
2010	Thailand	Bangkok	10	21
2012	Indonesia	Jakarta	10	22

Sumber: Laporan The 8th ASEAN Skills Competition, Bangkok 2010

Strategi Dan Sasaran Untuk Memenangi Pingat Di ASC

Peserta negara yang berkeelayakan dan mempunyai tahap kemahiran mengikut piawaian bertaraf dunia akan dipilih mewakili Negara ke ASC. Pemilihan peserta yang sistematik dan terperinci telah dilaksanakan kerana peserta merupakan komponen yang paling penting dalam menentukan pencapaian pingat untuk negara. Peserta yang mewakili Malaysia di ASC mestilah berumur 21 tahun dan ke bawah walaupun syarat pertandingan membenarkan peserta berumur 22 tahun dan ke bawah kecuali bagi bidang *mechatronics* dan *information network cabling* yang boleh mencapai umur 24 tahun yang mana syarat pertandingan adalah tidak melebihi 25 tahun. Penetapan umur yang kurang ini adalah bertujuan membolehkan peserta yang berpotensi dan berkeelayakan dapat bersaing di WSC.

Peserta-peserta negara ini dipilih dari kalangan pemenang terbaik dalam setiap bidang kemahiran di PKM yang diadakan pada setiap tahun. Selain itu, peserta juga dipilih dari kalangan pemenang pertandingan-pertandingan kemahiran yang diiktiraf di peringkat kebangsaan yang setaraf dengannya seperti *CISCO Netrider*, *Culinary Arts Award* dan lain-lain. Individu yang telah disenarai pendek sebagai calon peserta akan menjalani latihan persediaan samada di institusi latihan atau industri yang berkaitan. Walaubagaimanapun, tahap prestasi peserta akan dipantau dari semasa ke semasa melalui penilaian berkala yang akan dilaksanakan oleh pakar yang dilantik atau penilai-penilai luar yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang berkaitan. Hanya peserta yang mencapai tahap kemahiran yang ditetapkan akan berjaya dipilih mewakili negara di ASC.

Peserta negara ini perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya serta mempunyai sahsiah diri seperti semangat juang, keyakinan diri yang tinggi dan sebagainya sebelum menghadapi cabaran

ASC. Oleh itu, latihan intensif disediakan untuk para peserta bagi mencapai tahap kekompetenan mengikut bidang kemahiran. Peserta juga perlu menghadiri program motivasi yang ditetapkan sebagai persiapan mental dan fizikal yang mantap. Malaysia menghargai para peserta yang menunjukkan prestasi yang cemerlang di ASC dan ganjaran diberikan kepada pemenang sebagai pemangkin kepada peserta untuk memberikan pencapaian terbaik. Pemenang-pemenang pingat diberi ganjaran dan insentif dalam bentuk wang tunai mengikut pencapaian pingat seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.2. Selain itu juga, pemenang pingat perak dan gangsa akan dipersijilkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 manakala pemenang pingat emas dipersijilkan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) melalui kaedah Persijilan Pencapaian Terdahulu (PPT) Pengiktirafan Khas.

Jadual 5.2: Insentif wang tunai untuk pemenang ASC		
Bil	Pingat/Pencapaian	Ganjaran Wang Tunai (RM)
1	Emas	14,000.00
2	Perak	10,000.00
3	Gangsa	5,000.00
4	Medallion for Excellence	2,000.00
5	Best of Nation	2,000.00

Sumber : Jabatan Pembangunan Kemahiran



Gambar 5.3
Sektor Pengangkutan & Logistik



Gambar 5.4
Sektor Bangunan dan Pembinaan





Gambar 5.5
Sektor Teknologi Kejuruteraan & Pembuatan



Gambar 5.6
Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Gambar 5.7
Sektor Seni Kreatif & Fesyen



Gambar 5.8
Sektor Perkhidmatan Sosial & Personal



Pencapaian Malaysia Dalam ASC

Pencapaian peserta negara dalam pertandingan kemahiran di peringkat ASEAN ini amat membanggakan. Berdasarkan kepada Jadual 5.3, sepanjang penyertaan di ASC negara telah berjaya meraih sebanyak 23 pingat emas, 19 perak dan 30 pingat gangsa dalam pelbagai bidang kemahiran.

Berdasarkan Rajah 5.1, pencapaian peserta negara amat menyerlah semasa Malaysia menjadi tuan rumah penganjuran ASC untuk kali kedua pada tahun 2008 yang berlangsung di Kuala Lumpur. Pertandingan ini telah berlangsung dari 10 hingga 19 November 2008 di Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah, Kuala Lumpur. Sebanyak 10 negara ASEAN yang menyertai pertandingan tersebut iaitu Malaysia, Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos PDR, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Pertandingan ini melibatkan 19 bidang kemahiran dalam semua sektor kemahiran. Kejayaan Malaysia meraih enam pingat emas, tujuh pingat perak dan lima pingat gangsa dalam ASC ke-tujuh ini merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan dan terbaik kerana inilah pertama kali Malaysia menjadi juara sejak menyertai ASC dari tahun 1995 hingga 2012.




Rajah 5.1
Pungutan Pingat Mengikut Tahun Pertandingan, 1995-2012

Jadual 5.3:**Penyertaan dan pencapaian Malaysia dalam ASC tahun 1995 hingga 2012**

Sektor Industri	Bidang Kemahiran	Pencapaian Malaysia dalam ASC yang disertai								
		1995	1996	2001	2002	2004	2006	2008	2010	2012
Pengangkutan & logistik	Automobile Technology	■ ■		■			■ ■	■ ■	■	
	Bricklaying					■	■	■ ■	■ ■	■ ■
Bangunan & pembinaan	Cabinetmaking		■	■ ■	■		■ ■	■ ■	■	■ ■
	Carpentry	■								
	Electrical Installations	■	■	■	■ ■	■	■ ■	■ ■	■	■ ■
	Joinery			■	■			■		■
	Plumbing & Heating		■ ■	■	■		■ ■	■ ■	■	■
	Refrigeration & Air-conditioning							■ ■	■	■ ■
	Wall & Floor Tiling					■ ■		■ ■		■
	Electronics		■					■	■	■
	Mechanical Engineering Design - CAD						■ ■	■	■	■ ■
Teknologi kejuruteraan & pembuatan	Mechatronics							■		
	Automation Technology								■	
	Welding	■	■	■	■	■ ■	■	■ ■	■	■ ■
	Lathe Turning	■	■							
	IT Network System Administration									■ ■
Teknologi maklumat & komunikasi	IT Software Solutions for Business			■						
	Web Design									
	Ladie's Dress Making/ Fashion Technology	■ ■	■	■	■		■	■ ■	■	■
Seni kreatif & fesyen	Graphic Design Technology							■		
	Beauty Therapy							■ ■	■ ■	■
Perkhidmatan sosial & personal	Cooking						■			■ ■
	Hairdressing									■ ■
	Restaurant Service			■	■	■	■			■

Sumber: The 8th ASEAN Skills Competition, Bangkok 2010

■ Emas ■ Perak ■ Gangsa ■ Sijil Kecemerlangan



Gambar 5.9

Peserta-peserta menyelesaikan tugas berdasarkan test project bidang kemahiran (a) teknologi automotif (b) dandanan rambut (c) penyejukbekuan & penyamanan udara

Malaysia sentiasa berusaha untuk menyertai dalam setiap bidang kemahiran yang dipertandingkan dalam ASC. Terdapat beberapa bidang yang menunjukkan pencapaian yang cemerlang antaranya adalah *plumbing and heating* yang mana berjaya memungut lima pingat emas sepanjang penyertaan di ASC, *electrical installation*, *welding* dan *fashion technology*. Walaupun cuma satu bidang yang dipertandingkan dalam sektor pengangkutan iaitu bidang teknologi automobil, namun pencapaiannya agak memuaskan kerana berjaya menyumbangkan tiga pingat emas berbanding dengan sektor pembuatan, teknologi maklumat, seni kreatif dan perkhidmatan sosial & personal. Bagi sektor teknologi maklumat dan komunikasi, pencapaian negara agak kurang memuaskan dengan hanya pernah mendapat satu pingat gangsa dalam bidang *IT software* di ASC 2001 dan dua pingat kecemerlangan dalam bidang *IT network system administration* di ASC 2012.

Pencapaian Malaysia yang agak memberangsangkan ketika beraksi di luar Malaysia adalah dalam ASC 2012 yang mana Negara berjaya memungut sebanyak 25 pingat iaitu tiga pingat emas dalam bidang masakan, pepaipan dan pemanasan, dan pemasangan elektrik; empat pingat perak; empat gangsa dan 14 pingat kecemerlangan. Pencapaian Malaysia ini perlu dibanggakan dan menunjukkan bahawa Malaysia juga mempunyai belia-belia mahir yang mempunyai daya saing yang tinggi di peringkat ASEAN. Seharusnya semua rakyat Malaysia perlu bangga dengan pencapaian belia-belia negara yang telah berjaya mengharumkan negara di persada antarabangsa.

Pada peringkat permulaan, hanya empat negara yang bersetuju untuk menyertai ASC iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina dan Thailand. Kini, semua negara ASEAN telah menyertai pertandingan yang berprestij di peringkat ASEAN ini dalam mencungkil bakat-bakat belia serta mengiktiraf belia yang berkemahiran di peringkat ASEAN. Negara Singapura, adalah negara



Gambar 5.10
Belia-belia Malaysia yang berjaya mengharumkan nama Negara di ASC



Gambar 5.11
Kontinjen Malaysia yang menyertai ASC Tahun 2008




Gambar 5.12
Kontinjen Malaysia yang menyertai ASC Tahun 2012

yang terakhir menyertai ASC iaitu bermula dari tahun 2008 (ASC ke-7) yang berlangsung di Kuala Lumpur.

Sehingga kini, negara yang mengungguli setiap pertandingan ini adalah negara Thailand yang berjaya meraih 53 pingat emas iaitu 21.8 peratus daripada keseluruhan jumlah penyertaannya di ASC berbanding dengan Malaysia yang hanya mendapat 14.3 peratus sahaja. Vietnam dan Singapura menunjukkan prestasi yang agak menyerlah dalam penyertaan di ASC. Jika dilihat, Vietnam pernah menyertai ASC sebanyak tujuh kali tetapi telah berjaya meraih lebih banyak pingat berbanding dengan negara yang telah menyertai sembilan kali ASC termasuk Malaysia. Selain itu juga, walaupun Singapura baru tiga kali menyertai ASC dengan penyertaan bidang kemahiran yang kurang berbanding negara lain, namun negara tersebut telah berjaya mendapat 10 pingat emas iaitu 14.7 peratus dari jumlah penyertaan ke ASC. Singapura banyak memperolehi pingat dalam bidang-bidang tertentu seperti *electronics* dan *IT network system administration*.

Berdasarkan Rajah 5.2, dapat dilihat bahawa negara tuan rumah juga merupakan antara faktor yang mendorong kemenangan sesuatu negara dalam ASC. Secara umumnya, kejuaraan ASC itu akan memihak kepada negara penganjur. Sebagai contoh tahun 2010, Thailand adalah tuan rumah dan negara tersebut berjaya merangkul 16 pingat emas daripada 21 bidang kemahiran yang dipertandingkan. Begitu juga pada negara Indonesia yang telah menjadi tuan rumah untuk ASC 2012 dan negara tersebut telah menjadi juara keseluruhan dalam pertandingan itu dengan meraih 19 pingat emas daripada 22 bidang yang dipertandingkan.



Rajah 5.2
Jumlah Pungutan Pingat mengikut Negara ASEAN dari Tahun 1995 hingga 2012

Isu Dan Cabaran Negara Dalam ASC

Terdapat pelbagai isu dan cabaran negara dalam menyertai ASC, antaranya:

i. Kurang Penyertaan dari Pelajar IPTA/IPTS

Pemilihan peserta untuk mewakili negara ke pertandingan kemahiran ASEAN adalah berdasarkan kepada pencapaian terbaik peserta semasa Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) dan lain-lain pertandingan yang diiktiraf. Berdasarkan kepada statistik, lebih dari 95 peratus peserta yang menyertai PKM adalah dari kalangan pelajar sama ada Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) atau pun Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS). Terdapat kurang dari lima peratus peserta dari pelajar-pelajar IPTA/IPTS yang menyertai pertandingan ini. Penyertaan pelajar IPTA/IPTS terutamanya dalam bidang elektronik, mekatronik, grafik dan teknologi maklumat adalah penting.

Antara faktor yang mempengaruhi kekurangan penyertaan pelajar IPTA/IPTS adalah penetapan had umur penyertaan 20 tahun dan ke bawah yang mana pelajar IPTA/IPTS pada had umur tersebut masih diperingkat asas di samping kurangnya minat pelajar-pelajar tersebut terhadap bidang kemahiran. Pelajar-pelajar juga tidak boleh memberi penumpuan yang tinggi kepada pertandingan kerana terikat dengan jadual kuliah yang padat bagi memenuhi ketetapan MQA. Dengan itu, pemilihan peserta untuk mewakili Malaysia ke pertandingan yang lebih tinggi seperti ASC dan WSC hanya tertumpu kepada peserta dari kalangan ILKA/ILKS.

ii. Kerjasama dan sokongan pihak industri

Kerjasama industri adalah penting dalam pertandingan ini bagi melahirkan individu yang berbakat dan mempunyai kemahiran yang tinggi. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Mohd Naim Daruwish, sektor korporat digesa turut sama membabitkan diri dalam pembangunan kualiti pendidikan teknikal dan latihan vokasional sebagai alternatif kepada pendidikan arus perdana melalui perkongsian strategik awam-swasta (PPP). Industri merupakan pihak yang penting dalam menjayakan ASC kerana konsep pertandingan ini adalah memenuhi kriteria dan keperluan industri. Sehingga 31 Disember 2012 sebanyak 4.9 juta syarikat berdaftar di SSM yang terdiri dari pelbagai kategori syarikat seperti *Government Linked Companies (GLC)*, *Small Medium Enterprise (SME)* dan *Multi National Company (MNC)*. Namun demikian, kurang 30 syarikat dan hanya sebuah syarikat GLC iaitu PROTON Holding Berhad yang bekerjasama dengan kerajaan dalam menjayakan pertandingan kemahiran sama ada peringkat kebangsaan atau pun antarabangsa. Laporan ASC Bangkok 2010 menunjukkan bahawa sebanyak 75 syarikat dan industri di Thailand yang menaja ASC pada tahun

2010, berbanding dengan Malaysia semasa penganjurannya pada tahun 2008, hanya 28 syarikat yang memberikan penajaan dalam pelbagai bentuk seperti bekalan peralatan, teknologi, kepakaran dan sebagainya. Jurang perbezaan yang ketara ini jelas menunjukkan penglibatan syarikat dan industri di Malaysia perlu dipertingkatkan dalam memberi kerjasama untuk penganjuran ASC. Sewajarnya industri perlu peka kepada kepentingan pertandingan ke arah pembangunan ekonomi negara.

iii. Pencapaian bidang teknologi maklumat yang kurang memberangsangkan

Bagi bidang teknologi maklumat, Malaysia adalah negara yang berada dalam kedudukan terakhir tanpa sebarang pungutan pingat dalam ASC. Merujuk kepada perkembangan Malaysia dalam bidang teknologi dengan status *Multimedia Super Corridor* (MSC) adalah malang untuk Malaysia tidak memenangi sebarang pingat dalam bidang kemahiran teknologi maklumat ini. Kebolehan Malaysia sebagai negara pengeluar tenaga mahir teknologi maklumat tidak boleh disangkal lagi dengan tertubuhnya syarikat-syarikat teknologi maklumat dan telekomunikasi bertaraf antarabangsa seperti ASTRO, TM Malaysia, MyCert, Celcom, Maxis, DIGI, MDEC dan sebagainya. Sokongan yang kuat perlu diterapkan melalui syarikat-syarikat gergasi ini bagi membolehkan negara bersaing dalam bidang teknologi maklumat di peringkat pertandingan kemahiran antarabangsa.

iv. Laluan kerjaya dan insentif

Malaysia perlu proaktif dalam memberi ganjaran atau insentif yang lebih baik kepada pemenang pingat bagi pertandingan ini. Ganjaran atau insentif tersebut tidak semestinya dalam bentuk wang tunai sahaja, malah peluang untuk mendapat pekerjaan tetap di syarikat-syarikat terkemuka berdasarkan kemahiran peserta juga boleh dijadikan sebagai pemangkin untuk peserta berusaha bersungguh-sungguh memenangi pingat emas. Brunei umpamanya, adalah merupakan salah sebuah negara yang memberikan insentif kepada pemenangnya dengan memberi peluang pekerjaan di syarikat terkemuka di mana pemenang pingat emas dalam bidang masakan telah ditawarkan bekerja di Royal Brunei Catering Sdn Bhd di mana syarikat tersebut merupakan salah satu anak syarikat kepada Royal Brunei Airlines. Sesungguhnya negara telah rugi dengan penghijrahan pemenang pingat emas negara dalam ASC kelapan bagi bidang kecantikan yang mana beliau telah ditawarkan bekerja di Singapura dengan tawaran gaji yang lebih tinggi berbanding di Malaysia.

Seperti sedia maklum, Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) akan direalisasikan pada tahun 2015 dan salah satu faktor dalam asas pengeluaran dan pasaran tunggal ASEAN adalah aliran pekerja mahir yang bebas. Justeru, tidak mustahil

akan lebih ramai tenaga mahir kita akan berhijrah ke negara ASEAN lain yang menawarkan tawaran pekerjaan yang lebih baik.

v. **Pelan Merencana Kejayaan (*Succession Plan*)**

Tempoh persediaan yang lebih panjang dan efektif juga harus dipertimbangkan untuk memastikan peserta negara benar-benar telah bersedia untuk mengambil bahagian dan memenangi pingat di pertandingan peringkat ASEAN atau dunia. Tempoh persediaan ini seharusnya dipanjangkan lagi dengan memperbanyakkan latihan kepada peserta sama ada di institusi latihan ataupun di industri. Adalah wajar Malaysia perlu memulakan inisiatif dengan melakukan pemilihan peserta setiap bidang lebih awal terutamanya dari kalangan pelajar kolej vokasional dan dengan ini akan dapat mewujudkan kumpulan peserta pelapis (*pool of competitors*). Melalui kaedah ini akan memastikan negara tidak ketandusan peserta yang benar-benar mahir dan bersedia untuk mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa.

Latihan intensif dan komprehensif perlu disediakan untuk peserta negara di bawah bimbingan kumpulan jurulatih (*team of trainer*) dan kumpulan pakar (*team of expert*) yang diiktiraf kepakarannya. Peserta-peserta ini perlu ditempatkan di Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*) untuk pertandingan seperti yang dibuat oleh Majlis Sukan Negara (MSN) yang menempatkan atlet-atlit Negara di Sekolah Sukan Bukit Jalil. Dengan ini, calon-calon peserta negara akan mendapat latihan yang menjurus kepada keperluan pertandingan.

Testimoni Peserta ASC

Natalie Sia Wan Ying



"I wish to gain more experience from this field and wish to learn different practice from different countries. I hope I can run my own business in the future. Practice makes perfect! Always believe in myself that I'm able to face the challenges."

Pemenang pingat emas tunggal di ASEAN Skills Competition Bangkok 2010 dan memiliki Diploma In Beauty Therapy City & Guild dan Sijil kemahiran Malaysia Tahap 3 (Aroma therapy) dari Beaubelle

Academy of Cosmetology & Management Petaling Jaya Selangor. Pada masa kini, beliau bertugas di Kiehl's (L'oreal International Pte Ltd), Singapore sebagai penasihat kecantikan.



Lim Kok Hong

Pemenang pingat perak di ASEAN Skill Competition Kuala Lumpur 2008. Pemegang Diploma Lanjutan dalam bidang Mekatronik di CIAST Shah Alam. Pernah bertugas sebagai jurutera aplikasi dan projek untuk Syarikat Kyoto Automation System, Puchong Selangor dan jurutera di syarikat Enter Coridor Shah Alam. Berkebolehan dan berpengalaman dalam bidang rekabentuk *Autocad, Convenyor, Pneumatics dan Programmable Logic Control*. Sekarang beliau menjawat jawatan sebagai Jurutera Automasi di Flexlink Engineering Sdn Bhd, salah sebuah syarikat multi nasional di Shah Alam Selangor.

Penutup

Penyertaan Malaysia dalam ASC merupakan landasan kepada belia-belia Negara ini menonjolkan bakat kemahiran untuk bertanding seterusnya mendapat pengiktirafan di atas pencapaian mereka itu. Penyertaan ini dapat menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia juga mempunyai kepakaran dan kemudahan pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti tinggi yang mampu melahirkan tenaga kerja mahir Negara. Secara langsung akan dapat menaikkan imej Negara di persada antarabangsa sekaligus memartabatkan institusi pendidikan teknikal dan latihan vokasional di Negara ini.

Penganjuran ASC telah diadakan sebanyak 10 kali iaitu sejak dari tahun 1995. Walau bagaimanapun, kaedah penganjuran ini perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa agar belia-belia ASEAN yang dimartabatkan sebagai pemenang benar-benar berkualiti dan berkelas dunia.

Malaysia juga telah menyertai sembilan kali ASC ini, namun pencapaian Malaysia masih perlu dipertingkatkan. Justeru, pendedahan kepada masyarakat, khususnya kepada industri yang terbabit perlu dipertingkatkan agar semua pihak lebih peka akan kepentingan pertandingan bagi melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi ke arah merealisasikan hasrat negara untuk mencapai taraf negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Sehubungan itu, semua pihak sama ada agensi kerajaan dan swasta, industri serta pihak media perlu berganding dalam usaha untuk melahirkan wira dan wirawati Negara yang berkemahiran tinggi bertaraf dunia.

06 Pertandingan Kemahiran Peringkat Dunia: World Skills Competition (WSC)

Sejarah Penganjuran *World Skills Competition*

Sejarah penganjuran pertandingan kemahiran dunia atau *World Skills Competition (WSC)* bermula apabila negara Sepanyol mengalami kekurangan tenaga mahir pada tahun 1946. Situasi ini telah mendorong Jose Antonio Elola Olasa iaitu Ketua Pengarah Organisasi Belia Sepanyol (OJE) memberi galakan kepada belia, ibubapa, pengajar dan bakal pekerja agar menceburi bidang kemahiran. Seajar dengan itu, beliau telah melantik Francisco Albert-Vidal untuk memperkembangkan idea tersebut bersama Antonio Almagro Diaz dan Faustino Ramos Diaz. Pada masa yang sama, Dr. Diomedes Palencia Albert yang memegang jawatan sebagai Pengarah '*Virgen de la Paloma*' (Pusat Latihan Sepanyol terunggul) ketika itu telah dilantik sebagai penasihat teknikal untuk projek ini (*WorldSkills International, History 1950 – 2010*).

Selepas perbincangan diadakan, satu keputusan telah diambil iaitu pertandingan merupakan satu landasan yang paling sesuai untuk memupuk semangat berkemahiran dikalangan belia. Mereka telah memutuskan bahawa melalui pertandingan ini, setiap lapisan masyarakat pasti terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pertandingan ini. Semangat bertanding di kalangan belia akan dapat dirangsang dan golongan dewasa pula akan membincangkan keputusan pertandingan. Penganjuran pertandingan ini juga boleh menarik minat para pengunjung untuk menyaksikan berbagai bidang yang dipertandingkan sekali gus memupuk perasaan ingin tahu yang mendalam mengenai bidang-bidang kemahiran tersebut.

Idea ini telah menjadi kenyataan dengan penganjuran pertandingan kebangsaan yang diadakan pada tahun 1947. Dalam pertandingan yang julung kali diadakan ini, seramai empat ribu perantis telah mengambil bahagian dalam 12 bidang mekanikal yang dipertandingkan di Sepanyol. Selain ingin memupuk

semangat berkemahiran, para pengasas mempunyai objektif jangka panjang yang lebih besar untuk dicapai iaitu: -

- i menggalakkan belia untuk bertanding,
- ii memupuk semangat menceburi bidang latihan vokasional; dan
- iii membandingkan kemahiran dan kebolehan belia dari seluruh dunia.

Berdasarkan objektif jangka panjang tersebut, mereka berhasrat untuk membuka penyertaan kepada negara-negara lain. Dengan adanya persamaan dari segi bahasa, sejarah dan tradisi, maka negara-negara Amerika Latin dijemput untuk menyertai Sepanyol dalam menganjurkan pertandingan seumpama ini. Namun usaha ini gagal kerana negara-negara tersebut tidak menunjukkan minat terhadap pertandingan ini. Walau bagaimanapun, Portugal berminat untuk menyertai projek ini. Pada tahun 1950, *International Vocational Training Competition* diadakan di Sepanyol dan telah disertai oleh 24 orang peserta daripada Sepanyol dan Portugal (*WorldSkills International, History 1950 – 2010*).

Negara-negara lain yang dijemput sebagai pemerhati juga menunjukkan minat untuk menyertai pertandingan ini pada masa akan datang. Oleh itu, peserta-peserta daripada negara Jerman, Britain, Perancis, Maghribi dan Switzerland telah mengambil bahagian buat kali pertama dalam pertandingan berikutnya yang diadakan pada tahun 1953. Untuk memantapkan lagi pertandingan ini, Majlis Penganjur telah dibentuk pada tahun 1954 bertujuan untuk meneliti dan merangka peraturan Pertandingan Antarabangsa.

Sepanyol telah menganjurkan pertandingan ini sebanyak enam kali antara tahun 1950 hingga 1957 dan seterusnya membuka peluang kepada negara-negara lain untuk menganjurkan pertandingan ini. Sehingga kini, sebanyak 18 buah negara telah menganjurkan *International Vocational Training Competition*. Sepanyol adalah negara yang paling kerap menganjurkan pertandingan ini, iaitu sebanyak 11 kali diikuti dengan Jerman, United Kingdom, Belanda, Switzerland, Jepun dan lain-lain lagi (Sila rujuk lampiran D).

Francisco Albert-Vidal adalah legenda dalam *WorldSkills Competition* kerana beliau telah menganggotai badan penganjur pertandingan ini sejak ianya diwujudkan. Beliau telah memegang jawatan sebagai Setiausaha Tertinggi *International Vocational Training Organization* (IVTO) sejak tahun 1950 hingga 1983. Seterusnya beliau memegang jawatan Pengerusi IVTO bermula pada tahun 1985 hingga 1992. Pada tahun 1993 beliau telah dilantik sebagai Ahli Kehormat IVTO. Beliau meninggal dunia pada 25 Oktober 1993.



Gambar 6.1
Francisco Albert-Vidal (Sumber :
WorldSkills International, History
1950 – 2010)



Gambar 6.2: Mesyuarat Majlis Penganjur yang pertama, 1954 (Sumber : *WorldSkills International, History 1950 – 2010*)

Sebagai menghormati usaha dan pengorbanan mendiang, Anugerah Terbaik Pertandingan telah ditukar nama kepada Anugerah Albert-Vidal.

Pada awalnya pertandingan ini dinamakan sebagai “Peraduan Latihan Vokasional Antarabangs” atau *International Vocational Training Contest* dan ditukar kepada *International Vocational Training Competition* pada tahun 1977. Nama pertandingan ini sekali lagi ditukarkan kepada *International Youth Skills Olympics* pada tahun 1988 di Sydney, Australia. Setelah mengalami perubahan nama mengikut negara penganjur, akhirnya pertandingan ini dikenali sebagai *World Skills Competition* mulai pada tahun 1999 hingga kini.

Perlaksanaan *World Skills Competition* (WSC)

World Skills Competition diadakan setiap dua tahun untuk menggalakkan pertukaran idea dan pengalaman di dalam bidang vokasional. Pertandingan ini diuruskan sepenuhnya oleh *World Skills International (WSI)*, sebuah badan yang berstatus organisasi tidak berorientasikan keuntungan (non-profit organization). Badan ini bertanggungjawab untuk mempromosikan pendidikan dan latihan vokasional. Setiap negara yang berdaftar dengan WSI dikenakan bayaran yuran tahunan sebanyak €12,000 dan dibenarkan menghantar seorang wakil atau satu pasukan sahaja bagi setiap bidang yang dipertandingkan. Peserta yang layak mengambil bahagian dalam WSC adalah mereka yang berumur 22 tahun dan ke bawah pada tahun pertandingan kecuali bagi bidang *Information Network Cabling*, *Mechatronics*, *Manufacturing Team Challenge* dan *Aircraft Maintenance* di mana had umur peserta adalah 25 tahun pada tahun pertandingan. Peserta-peserta yang mewakili Malaysia ke WSC dipilih melalui Mesyuarat Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Format Pertandingan WSC

World Skills International (WSI) telah menentukan beberapa peraturan dan garis panduan untuk pelaksanaan pertandingan WSC supaya tiada pihak yang dapat mempertikaikan pelaksanaan pertandingan ini. Antara peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh WSI adalah pengurusan pertandingan, deskripsi teknikal, projek ujian, penilaian dan penganugerahan. Penjelasan bagi semua peraturan dan garis panduan tersebut adalah seperti penjelasan di bawah.

i. Pengurusan Pertandingan

Pengurusan keseluruhan pertandingan diletakkan di bawah Lembaga Pengarah *World Skills International (The WorldSkills International Board of Directors)*. Lembaga ini bertanggungjawab untuk memberikan kuasa dan tanggungjawab yang sesuai kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) masing-masing untuk menjalankan pertandingan ini berdasarkan peraturan dan garis panduan yang ditetapkan. Pasukan Pengurusan Pertandingan (*Competition Management Team*) pula terdiri daripada pengerusi dan timbalan pengerusi Jawatankuasa Teknikal, CEO dan Pengarah Teknikal. Pasukan ini bertanggungjawab ke atas pengurusan teknikal dan pentadbiran yang berkaitan dengan pelaksanaan pertandingan. Jawatankuasa Teknikal (*Technical Committee*) pula bertanggungjawab ke atas pengurusan ke semua bidang yang dipertandingkan. Manakala, setiap bidang yang dipertandingkan akan mempunyai satu lagi pasukan individu yang dipanggil Pasukan Pengurusan Kemahiran (*Skill Management Team*). Pasukan ini yang dianggotai oleh Ketua Pakar, Penolong Ketua Pakar dan Presiden Juri menentukan hal-hal berkaitan bidang tersebut sahaja.

ii. Deskripsi Teknikal (*Technical Description*)

Setiap bidang kemahiran yang dipertandingkan di WSC mempunyai deskripsi teknikal yang menjelaskan keseluruhan pelaksanaan pertandingan bagi bidang tersebut. Deskripsi teknikal ini mengandungi ciri-ciri seperti berikut:-

- nama bidang kemahiran
- ciri-ciri kompetensi mengikut kemahiran
- skop kerja, pembangunan ,kesahihan, pemilihan, kriteria penilaian projek ujian
- ciri-ciri keselamatan
- peralatan dan bahan; dan
- pindaan deskripsi teknikal

lanya akan dikeluarkan di dalam laman web WSI iaitu 12 bulan sebelum tarikh pertandingan.

iii. Projek Ujian (*Test Project*)

Projek ujian merupakan tugas yang perlu dilaksanakan bagi mempamerkan kemahiran yang dimiliki oleh peserta pertandingan. Ianya merangkumi kompetensi, skop kerja, struktur/format, pembangunan, validasi, pemilihan, agihan soalan, perubahan dan kriteria penilaian. Tempoh masa pertandingan adalah antara 15 hingga 22 jam iaitu selama empat hari. Soalan akan dikeluarkan dalam tempoh tiga bulan sebelum pertandingan. Walau bagaimanapun, pakar akan membuat pindaan minima sebanyak 30 peratus tertakluk kepada peralatan dan bahan yang digunakan semasa pertandingan.

iv. Sistem Maklumat Pertandingan atau *Competition Information System (CIS)*

Skema permarkahan akan dibangunkan oleh pakar berdasarkan kepada projek ujian. Semua permarkahan akan direkod dalam sistem khas yang dinamakan sebagai *Competition Information System (CIS)*. Untuk memastikan persaingan antara bidang kemahiran yang berlainan, markah keseluruhan yang berjumlah 100 mata akan diskalakan kepada 500 mata. Semua markah pertandingan akan dibundarkan kepada dua tempat perpuluhan.

v. Penganugerahan

Pemenang dalam WSC dianugerahkan tiga jenis pingat iaitu pingat emas, perak dan gangsa diikuti dengan *Medallion For Excellence* bagi peserta-peserta yang mendapat 500 mata dan keatas tetapi tidak mendapat sebarang pingat. Manakala Sijil Penyertaan akan diberi kepada semua peserta WSC. Peserta terbaik setiap negara yang bertanding akan memenangi pingat *Best Of Nation* dan peserta terbaik keseluruhan akan memenangi Anugerah *Albert Vidal*.

Pingat emas, perak dan gangsa akan dianugerahkan kepada pemenang terbaik, kedua terbaik dan ketiga terbaik sekiranya tiada pertindihan mata berlaku antara mereka. Skala pemarkahan di WSC adalah seperti Jadual 6.1 dan contoh penganugerahan pingat di WSC adalah seperti Jadual 6.2.

Pertindihan Mata: Perbezaan mata antara dua atau lebih peserta yang menduduki kedudukan terdekat adalah tidak melebihi dua mata berdasarkan kepada skala 500. Sekiranya berlaku pertindihan mata, maka penganugerahan pingat adalah seperti berikut:

Emas: Apabila dua peserta terbaik mendapat pertindihan mata, maka dua pingat emas dan satu atau lebih pingat gangsa akan dianugerahkan. Sekiranya tiga atau lebih peserta mendapat pertindihan mata, maka tiga atau lebih pingat emas akan dianugerahkan dan jika pertindihan mata berlaku antara pemenang pingat emas terakhir dan peserta seterusnya, maka satu atau lebih pingat gangsa akan dianugerahkan.

- Perak:** Satu pingat emas, dua atau lebih pingat perak akan dianugerahkan. Sekiranya pertandingan mata berlaku antara pemenang terakhir pingat perak dan peserta terbaik seterusnya, maka satu atau lebih pingat gangsa akan dianugerahkan.
- Gangsa:** Satu pingat emas, satu pingat perak dan dua atau lebih pingat gangsa akan dianugerahkan.

Jadual 6.1:
Skala Pemarkahan Di WSC

Mata Dikumpul						
532	532	531	530	529	528	527
Berlaku pertandingan mata						
				Tidak berlaku pertandingan mata kerana perbezaan antara 532 dan 529 adalah melebihi 2 mata		
				Berlaku pertandingan mata		

Jadual 6.2:
Contoh Penganugerahan yang diberi semasa WSC 2011 di London dan WSC 2009 di Calgary, Canada

Bidang	Bil. Pingat			Pungutan Mata dan Pingat Dianugerahkan					
	E	P	G						
Confectioner/ Pastry Cook	3	0	≥2	528	527	526	524	524	518
				E	E	E	G	G	M
Electrical Installation*	3	0	1	541	541	540	538	530	527
				E	E	E	G	M	M
CNC Turning	3	0	0	535	534	534	531	521	520
				E	E	E	M	M	M
Bricklaying	2	0	≥2	540	539	528	526	526	524
				E	E	G	G	G	M
Stonemasonry	2	0	1	527	526	519	509	497	434
				E	E	G	M	-	-
Autobody Repair	1	≥2	0	534	525	525	524	521	518
				E	P	P	P	M	M
Car Painting	1	1	≥2	532	529	524	523	523	522
				E	P	G	G	G	G
Aircraft Maintenance	1	1	1	557	518	511	491	488	479
				E	P	G	-	-	-

Sumber: [www.http://www.worldskills.org](http://www.worldskills.org) (21 Januari 2013)

* WSC 2009 di Calgary, Canada

Petunjuk - E:Emas P: Perak G: Gangsa M: Medallion For Excellence

Penyertaan Malaysia Dalam WSC

Malaysia telah menjadi ahli *WSI* pada tahun 1992. Tahun 1993 merupakan penyertaan negara yang pertama ke Pertandingan Kemahiran Dunia yang ke-33 di Taipei, Taiwan. Dalam pertandingan ini, Malaysia telah menghantar tiga orang peserta untuk bertanding dalam tiga bidang iaitu Kimpalan Elektrik (*Electrical Welding*), Pepaipan (*Plumbing*) dan Pembuatan Pakaian Wanita (*Ladies Dressmaking*). Sejak itu, Malaysia telah mengambil bahagian sebanyak sepuluh kali WSC (seperti dalam Jadual 6.3) dan akan menyertai pertandingan ini buat kali ke-11 di Leipzig, Jerman pada tahun 2013.

Malaysia mengambil bahagian dalam bidang *Plumbing & Heating* dan *Automobile Technology* sebanyak sembilan kali yang mencatatkan kekerapan paling tinggi. Ini diikuti dengan bidang *Welding* dan *Wall & Floor Tiling* yang mencatatkan kekerapan kedua tertinggi iaitu sebanyak lapan kali. Jadual 6.4 menunjukkan penyertaan Malaysia dalam WSC mengikut bidang.

Pencapaian Malaysia Dalam WSC

Malaysia telah menyertai pertandingan ini sebanyak sepuluh kali sejak tahun 1993 hingga 2011. Namun, peserta negara yang bertanding masih belum memenangi sebarang pingat dalam pertandingan kemahiran terunggul ini. Negara kita telah memperolehi lima Anugerah Kecemerlangan dalam WSC London 2011 yang merupakan pencapaian terbaik negara berbanding dengan pencapaian sebelumnya. Sehingga kini, Malaysia telah mengumpul sebanyak 27 Anugerah Kecemerlangan dalam berbagai bidang.

Peserta dalam bidang *IT Networks Systems Administration*, Shum E. Hun telah mencapai markah paling tinggi iaitu 531 mata dalam WSC 2011. Ini diikuti dengan peserta *Refrigeration And Air Conditioning*, Ng Vui Chien yang mencapai 526 mata dalam WSC 2011 dan peserta *Welding*, Garugok Empaling berada di tangga ketiga dengan 525 mata semasa Switzerland menjadi tuan rumah untuk WSC 1997. Secara umumnya, peserta negara yang lain juga telah mencapai markah menghampiri 500 mata bagi bidang-bidang lain. Ini menunjukkan bahawa peserta Malaysia tidak jauh ketinggalan untuk mencapai sekurang-kurangnya Anugerah Kecemerlangan namun mereka perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan pingat. Jadual 6.5 menunjukkan analisa markah yang diperolehi oleh peserta Malaysia dalam wsc 1997 hingga 2011

Jadual 6.3:
Penyertaan Malaysia Dalam WSC Dari tahun 1993 Hingga 2011

Tahun	Tuan Rumah	Jumlah Bidang		Bidang
		Disertai	Dipertanding	
1993	Chinese Taipei	3	39	Electrical Welding, Plumbing, Ladies Hairdressing
1995	Perancis	17	38	Fitting, Press Tool making, Turning/CNC, Milling/CNC, Welding, Pattern Making, Wall & Floor Tiling, Plumbing, Industrial Electronics, Electronics Applications, Commercial Wiring, Bricklaying, Cabinetmaking, Joinery, Automotive Mechanics, Cookery, Waiting
1997	Switzerland	18	39	Fitting, Press Tool Making, CAD Drafting, Turning / CNC, Milling / CNC, Welding, Pattern Making, Wall & Floor Tiling, Plumbing, Electronic Application, Commercial Wiring, Bricklaying, Cabinet Making, Joinery, Automotive Mechanics, Cookery, Waiting, Refrigeration And Air Conditioning, Ladies' Dressmaking
1999	Kanada	12	43	Press Tool Making, CAD Drafting, Information Technology, Welding, Wall & floor Tiling, Plumbing, Electronic Application , Commercial Wiring, Joinery, Ladies' Dressmaking, Automotive Mechanics, Cookery
2001	Korea	10	39	Fitting, Press Tool Making, Mechanical Engineering CADD, Wall & Floor Tiling, Plumbing, Bricklaying, Joinery, Ladies' Dressmaking, Automotive Technology, Refrigeration
2003	Switzerland	15	42	Press Tool Making, Mechatronics, Welding, Wall & floor Tiling, Plumbing, Electrical Installation, Joinery, Hairdressing, Ladies' Dressmaking, Automobile Technology, Cooking, Restaurant Services, Refrigeration Technology, IT PC/Network, Beauty Therapy
2005	Finland	9	39	Mechatronics, Mechanical Eng. CADD, Welding, Wall & Floor Tiling, Web Design, Bricklaying, Automobile Technology, IT PC/Network, Graphic Design
2007	Jepun	14	47	Mechatronics, Mechanical Engineering CADD, Welding, Wall And Floor Tiling, Plumbing, Electrical Installations, Bricklaying, Joinery, Ladies' Dressmaking, Automobile Technology, Restaurant Services, Refrigeration, IT PC / Network Support, Graphic Design Technology
2009	Kanada	9	45	Mechatronics, Wall And Floor Tiling, Plumbing And Heating, Electrical Installations, Bricklaying, Cabinetmaking, Beauty Therapy, Fashion Technology, Automobile Technology
2011	London	10	46	Mechatronics, Plumbing And Heating, Refrigeration & Air Conditioning, Automobile Technology, Welding, Electrical Installation, Cooking, Cabinetmaking, Beauty Therapy, IT Network System Administration
2013	Leipzig	14	62	Welding, Electrical Installation, Plumbing And Heating, Refrigeration & Air Conditioning, Automobile Technology, Cooking, Cabinetmaking, IT Network System Administration, Mechanical Engineering Drawin CAD, Hairdressing, Fashion Technology, electronics, Restaurant Service, Cooking, Wall & Floor Tiling

Sumber: World Skills International, History 1950 – 2010 dan Jabatan Pembangunan Kemahiran

Jadual 6.4:**Penyertaan Malaysia dalam WSC mengikut bidang penyertaan**

Bil	Bidang	Tahun											Jumlah penyertaan mengikut bidang
		93	95	97	99	01	03	05	07	09	11	13	
1	Fitting		✓	✓		✓							3
2	Press & Tool Making		✓	✓	✓	✓	✓						5
3	Mechatronics						✓	✓	✓	✓	✓		5
4	Mechanical Eng. CADD			✓	✓	✓		✓	✓			✓	6
5	Turning / CNC		✓	✓									2
6	Milling / CNC		✓	✓									2
7	Information Technology				✓								1
8	Welding	✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓		✓	✓	9
9	Pattern Making		✓	✓									2
10	Wall & Floor Tiling		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓		✓	9
11	Plumbing & Heating	✓	✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓	10
12	Industrial Electronics		✓									✓	2
13	Electronic Application		✓	✓	✓								3
14	Web Design							✓					1
15	Commercial Wiring / Electrical Installations		✓	✓	✓		✓		✓	✓	✓	✓	8
16	Bricklaying		✓	✓		✓		✓	✓	✓			6
17	Cabinetmaking		✓	✓						✓	✓	✓	5
18	Joinery		✓	✓	✓	✓	✓		✓				6
19	Ladies' / Men's Hairdressing						✓					✓	2
20	Ladies' Dressmaking / Fashion Technology	✓		✓	✓	✓	✓		✓	✓		✓	8
21	Automobile Technology		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10
22	Cooking		✓	✓	✓		✓				✓	✓	6
23	Restaurant Services		✓	✓			✓		✓			✓	5
24	Refrigeration And Air Con- ditioning			✓		✓	✓		✓		✓	✓	6
25	IT Network System Admin- istration						✓	✓	✓		✓	✓	5
26	Graphic Design Technology							✓	✓				2
27	Beauty Therapy						✓			✓	✓		3
Jumlah Penyertaan mengikut tahun		3	17	19	12	10	15	9	14	9	10	14	131

(Sumber: WorldSkills International, History 1950 – 2010 dan Jabatan Pembangunan Kemahiran)

**Jadual 6.5: Analisis Markah Yang diperolehi oleh peserta Malaysia
Dalam WSC 1997 hingga 2013**

Bil	Bidang	1997	1999	2001	2003	2005	2007	2009	2011	2013
1	Automobile Technology	461	477	491	505	479	458	498	507	488
2	Beauty Therapy				448			504	510	
3	Bricklaying	484		475		513	460	486		
4	Cabinetmaking	477						464	401	475
5	CNC Milling	441								
6	CNC Turning	470								
7	Cooking	523	479		454				478	521
8	Electrical Installations (Commercial Wiring)	491	478		501		501	467	496	512
9	Electronic Application	521	458							483
10	Fashion Technology (Ladies' Dressmaking)	497	511	504	502		487	468		518
11	Fitting	480		447						
12	Graphic Design Technology					479	508			
13	IT Software Application (Information Technology)		480							
14	IT Network System Administration				465	479	451		531	506
15	Joinery	474	491	481	453		480			
16	Hairdressing				430					504
17	Mechanical Eng. CADD	501	489	474		472	481			495
18	Mechatronics				456	461	471	493	502	
19	Pattern Making	428								
20	Plumbing & Heating	495	493	523	501		498	503	491	502
21	Press & Tool Making	499	500	483	480					
22	Refrigeration And Air Condotioning	478		508	455		463		526	512
23	Restaurant Services	486			476		457			517
24	Wall & Floor Tiling	463	509	515	452	487	475	499		478
25	Web Design					475				
26	Welding	525	489		508	517	475		499	500
Peratus memenangi Medallion For Excellence (%)		21	25	40	33	22	14	22	50	64

(Sumber: WorldSkills International, History 1950 – 2010)

* Lorekan merah menunjukkan markah melebihi 500 untuk memenangi Anugerah Kecemerlangan

Pemenang-pemenang pingat di WSC diberi ganjaran dan insentif dalam bentuk wang tunai mengikut pencapaian pingat seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.6. Selain itu juga, pemenang pingat perak dan gangsa akan dipersijilkan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) manakala pemenang pingat emas dipersijilkan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) melalui kaedah Persijilan Pencapaian Terdahulu (PPT) Pengiktirafan Khas.

Jadual 6.6: Insentif wang tunai untuk pemenang ASC

Bil	Pingat/Pencapaian	Ganjaran Wang Tunai (RM)
1	Emas	40,000.00
2	Perak	20,000.00
3	Gangsa	10,000.00
4	Medallion for Excellence	4,000.00
5	Best of Nation	4,000.00

Isu dan Cabaran WSC

Setiap aktiviti dan perkara yang akan dilakukan pasti disusuli dengan beberapa isu dan cabaran. Meskipun kita telah cuba sedaya upaya untuk melakukan yang terbaik, pasti akan timbul perkara-perkara yang membuatkan setiap pihak berfikir agar permasalahan yang wujud ini dapat ditangani pada masa hadapan. Antara faktor-faktor yang menjadi kekangan utama untuk meraih pingat dalam WSC adalah,

a. Kekompetenan peserta

Peserta yang dipilih ke WSC adalah dari kalangan yang terbaik di Malaysia. Kebanyakan peserta yang dipilih adalah mahir dalam bidang kemahiran masing-masing tetapi kurang mahir dari aspek-aspek lain seperti kreatif, pemikiran logik boleh memahami soalan dalam Bahasa Inggeris, semangat berjuang dan sebagainya. Sebagai contoh, prestasi peserta-peserta Negara dalam bidang *Ladies Dressmaking/Fashion Technology* adalah baik pada tahun 1999, 2001 dan 2003. Tetapi ianya merosot pada tahun 2007 dan 2009 disebabkan peserta negara yang kurang kreatif tidak dapat menjawab soalan jenis rekabentuk dan yang memerlukan kreativiti. Keadaan ini telah menyebabkan kemerosotan dalam pencapaian Negara dalam bidang *Ladies Dressmaking/Fashion Technology*. Jadi, adalah menjadi tanggungjawab jabatan untuk menyediakan latihan intensif kepada peserta bagi memastikan mereka adalah lebih bersedia untuk menghadapi pertandingan berprestij dunia.

b. Latihan dan teknologi

Latihan adalah salah satu faktor utama yang memainkan peranan penting dalam meraih pingat di WSC. Pada dasarnya, kebanyakan peserta negara yang layak ke WSC diberi latihan dalaman sahaja. Keadaan ini menjadikan peserta kita kurang terdedah dengan teknologi yang digunakan di luar negara dan juga WSC. Sebagai contoh, bagi bidang *Automobile Technology*, peserta negara hanya dilatih untuk menggunakan enjin kereta yang terdapat di Malaysia seperti Proton, Toyota, dan BMW. Akan tetapi soalan WSC menggunakan kereta-kereta yang jenamanya kurang ditemui di Malaysia. Keadaan ini telah dikenalpasti dan

jabatan sentiasa mengambil langkah yang wajarnya dengan menyediakan latihan diluar negara bagi peserta-peserta negara. Dengan adanya latihan di luar negara, para peserta akan dapat menyesuaikan diri mereka dengan keadaan persekitaran sebelum menyertai pertandingan sebenar.

c. Sukatan Latihan Kemahiran Negara

Satu lagi masalah yang biasa wujud adalah peserta masih kurang bersedia dengan perubahan teknologi yang kian pesat membangun. Ia jelas kelihatan apabila dibuat perbandingan antara soalan WSC dengan standard latihan yang ditawarkan di institut latihan kemahiran Negara. Sebagai contoh, bagi bidang *Electrical Installation*, prestasi peserta Negara merosot dalam WSC 2009 dan 2011 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya disebabkan oleh penggunaan teknologi baru iaitu *Smart house* yang menggunakan *Relay Sequence Controller*. Teknologi ini masih lagi belum dimasukkan ke dalam sukatan latihan elektrik negara kita. Jadi, ini menunjukkan sukatan latihan di institut latihan tidak seiring dengan teknologi semasa. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan bagi penggubal sistem latihan kemahiran Negara untuk lebih kerap mengemaskini standard latihan kita agar tenaga mahir Negara seiring dengan teknologi di peringkat antarabangsa. Dengan ini, pelajar yang dilatih dalam aliran kemahiran adalah lebih bersedia untuk menghadapi pertandingan kemahiran seperti PKM, ASC dan WSC.

d. Komitmen Pakar dan Jurulatih

Komitmen daripada pakar dan juga jurulatih amat penting untuk mewujudkan semangat berjuang yang tinggi pada peserta untuk meraih pingat dalam WSC. Komitmen yang ditunjukkan oleh pakar dan jurulatih dalam melatih dan memantau prestasi peserta WSC memang tidak dapat dipertikaikan. Akan tetapi, tumpuan dan latihan yang lebih fokus akan memberi semangat berjuang yang tinggi kepada peserta Malaysia.

Dengan mengambilkira faktor-faktor diatas dan analisis daripada penyertaan Malaysia dalam WSC, terdapat beberapa bidang yang berpotensi untuk memberikan kilauan pingat bagi Malaysia dalam WSC. Analisis ini dibuat berdasarkan pencapaian Malaysia dalam WSC dari tahun 1997 hingga 2011.

i. Plumbing & Heating

Bidang *Plumbing & Heating* merupakan bidang yang paling kerap disertai oleh Malaysia dalam WSC. Daripada sembilan (9) kali penyertaan di WSC, Malaysia telah memenangi *Medallion For Excellence* sebanyak 3 kali manakala pada penyertaan lain Malaysia dapat mengumpul markah melebihi 490 mata. Ini menunjukkan bahawa peserta Malaysia bagi bidang *Plumbing & Heating*

bukan calang-calang peserta dan sekiranya latihan yang lebih jitu dan bertaraf antarabangsa diberikan, maka kilauan pingat dalam bidang ini tidak sukar untuk dicapai.

ii. Welding

Bidang *Welding* juga boleh diletakkan sebagai bidang yang berpotensi untuk memenangi pingat dalam WSC. Negara berjaya merangkul tiga (3) kali *Medallion For Excellence* daripada lapan (8) kali penyertaan di WSC. Pada penyertaan yang lain pula, Malaysia dapat mengekalkan rekod markah melebihi 475 mata. Ini mungkin boleh dijadikan asas untuk mengasah lagi kekompetenan peserta negara bagi merangkul pingat dalam WSC bagi bidang *Welding*.

iii. Mechatronics

Mechatronics adalah bidang yang menunjukkan prestasi yang semakin meningkat sejak Malaysia menyertainya pada tahun 2003. Bermula dengan 456 mata yang berjaya dikutip pada tahun 2003, pungutan mata negara semakin bertambah kepada 461, 471, 493 mata pada tahun-tahun berikutnya dan akhirnya Malaysia berjaya merangkul *Medallion For Excellence* pada tahun 2011 dengan pungutan mata sebanyak 502 mata. Pencapaian dalam bidang ini merupakan satu peningkatan yang membanggakan dan dengan usaha yang lebih gigih, Malaysia dapat menjamin kilauan pingat dalam bidang ini.

iv. Beauty Therapy

Seperti juga bidang *Mechatronics*, bidang *Beauty Therapy* juga menunjukkan prestasi membanggakan melalui peningkatan pungutan mata daripada tahun 2003 hingga 2011. Dalam penyertaan pertama pada tahun 2003, Malaysia hanya dapat mengumpul sebanyak 448 mata, tetapi angka ini mencecah ke 504 mata pada penyertaan kali kedua pada tahun 2009 dan diikuti dengan 510 mata pada tahun 2011. Oleh itu, adalah menjadi harapan Malaysia untuk mendapatkan pingat dalam bidang ini melalui tumpuan dan didikan yang berterusan.

v. IT Networks System Administration

Pada awalnya, bidang ini tidak begitu menunjukkan kejayaan peserta Malaysia kerana tidak berjaya mendapat sebarang *Medallion For Excellence* di dalam tiga kali penyertaan awal iaitu pada tahun 2003 hingga 2007. Walau bagaimanapun, strategi jabatan yang membuka peluang kepada pelajar universiti untuk mengambil bahagian dalam pemilihan ke WSC telah membuahkan hasil apabila peserta negara berjaya mencatat mata tertinggi iaitu 531 mata yang hampir-hampir menjulang pingat pertama negara dalam WSC pada tahun 2011. Strategi ini akan diteruskan bagi bidang-bidang IT yang lain seperti *Graphic Design Technology*, *IT Software Solution For Business* dan juga *Web Design*.

Penutup

Walaupun Malaysia masih belum berjaya meraih sebarang pingat dalam pertandingan ini, ianya tidak boleh dijadikan satu alasan untuk menarik diri daripada pertandingan akan datang. Strategi perjuangan perlu dikaji semula untuk mencapai pingat untuk negara. Pencapaian terbaik peserta negara pada tahun 2011 di WSC London perlu dijadikan landasan awal untuk mencari kelemahan dan kekurangan pasukan negara supaya kilauan pingat dapat dicapai pada masa hadapan.

Malaysia mensasarkan pingat dalam empat bidang utama pada penyertaan negara ke WSC 2013 di Leipzeig akan datang. Sasaran ini berdasarkan kepada pencapaian peserta Malaysia dalam *ASEAN Skills Competition (ASC)* 2012 di Jakarta dan juga pencapaian terkini peserta-peserta Malaysia. Empat bidang tersebut adalah bidang *Fashion Technology, Cooking, Mechanical Engineering Drawing CAD dan Welding*.

07 Strategi Malaysia Di Pentas Pertandingan Kemahiran Peringkat Antarabangsa

Pengenalan

Proses pembentukan seseorang pelajar atau belia untuk menjadi mahir dalam bidang yang diceburinya tidak terhad kepada aktiviti pembelajaran di dalam kelas atau di bengkel sahaja. Mereka perlu didedahkan kepada aktiviti yang lebih mencabar supaya daya usaha dan kreativiti mereka dapat dipertingkatkan ke tahap mahir. Dengan cara ini, kita akan dapat menghasilkan tenaga kerja yang produktif dan berdaya saing selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mensasarkan 35 peratus pekerja mahir menjelang 2015 dan 50 peratus menjelang tahun 2020. Pertandingan kemahiran, sama ada yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan mahupun penyertaan di peringkat ASEAN atau dunia adalah merupakan aktiviti terbaik untuk menghasilkan tenaga kerja yang mahir dan kompeten di dalam bidang mereka.

Penyertaan dan pencapaian Malaysia di kedua-dua pertandingan kemahiran peringkat serantau dan dunia adalah merupakan penanda-aras terhadap sistem latihan kemahiran yang diamalkan di Malaysia untuk menghasilkan tenaga kerja mahir yang merupakan penggerak kepada ekonomi negara. Di samping itu, belia Malaysia yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang teknikal dan teknologi dapat diketengahkan di pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa yang mana para belia ini diharap dapat bersama-sama membantu untuk melonjakkan imej dan ekonomi Malaysia ke arah berpendapatan tinggi.

Sehingga kini pelbagai usaha sedang dilaksanakan agar Malaysia berjaya memprolehi pingat dalam WSC. Melalui Program Transformasi Ekonomi, Perdana Menteri telah melancarkan kempen penjenamaan bagi mengarusperdanakan latihan kemahiran dengan slogan "SkillsMalaysia". Slogan ini merupakan wadah bagi memperjuangkan latihan kemahiran supaya diterima oleh masyarakat sebaris dengan aliran akademik dan bukannya kelas kedua.



Gambar 7.1:
Pemenang Best Of Nation di WSC 2011

Pencapaian pingat di peringkat dunia adalah penting untuk membuka mata masyarakat dunia bahawa Malaysia sudah mencapai tahap kemahiran yang tinggi. Bak kata pepatah ‘berdiri sama tinggi, duduk sama rendah’. Bukti Malaysia berusaha ke arah negara maju akan lebih terserlah jika kita dapat membawa pulang pingat di kejohanan kemahiran yang berprestij seperti WSC. Perancangan jangka pendek dan jangka panjang dilakukan untuk memastikan peserta negara benar-benar bersedia dari segenap sudut mental dan fizikal dalam memastikan pingat dalam genggaman. Malaysia juga mampu mencipta kejayaan yang amat menakjubkan sepertimana pencapaian peserta dari Korea Selatan yang telah berjaya membawa pulang pingat sejak tahun 1967. Ini jelas menunjukkan penekanan terhadap bidang teknikal dan kejuruteraan dapat membangunkan ekonomi sesebuah negara sepertimana di Korea Selatan.

Perubahan Jika Mahu Bergelar Juara Dalam WSC

Penyertaan negara dalam kedua-dua pertandingan kemahiran peringkat ASEAN serantau dan dunia memerlukan sokongan dari pihak pengurusan tertinggi Kerajaan atau penggubal dasar di dalam Kerajaan sepertimana bidang sukan negara yang telah melalui anjakan dan telah membawa kegemilangan di dalam acara seperti squash, renang dan badminton. Gabungan kerjasama ini telah dipraktikkan di negara United Kingdom untuk menghasilkan belia negara yang mahir. Mereka melangkah lebih jauh dengan menubuhkan *Royal Society of Apprentices* sebagai satu inisiatif untuk mengangkat martabat bidang kemahiran Negara tersebut, seperti kenyataan Steve Finn, Timbalan Presiden Pengurusan Mori Seiki berpusat di UK,

“The government is also in the early stage of creating a royal society of apprentices, funded by membership subscription, which would promote apprenticeships in colleges and schools, lobby on key issues and help members join industry-based societies”

(Steve Finn, 2011).

Misi ke ASEAN *Skills Competition* (ASC) dan WSC merupakan agenda kebangsaan yang perlu diberikan perhatian serius oleh pihak terbabit. Pembabitan DRB-HICOM/PROTON Holdings Berhad selaku penaja utama dalam bidang teknologi automotif sama ada di pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa jelas menunjukkan komitmen syarikat gergasi ini untuk bersama-sama Kerajaan yang mana bukan sahaja berhasrat untuk menaikkan tahap kemahiran belia dan pekerja Malaysia dalam bidang automobil malah membantu meningkatkan kesedaran masyarakat betapa pentingnya kemahiran untuk maju di dalam pekerjaan dan meningkatkan taraf ekonomi seseorang. Sokongan sebegini membantu Malaysia supaya lebih bersedia untuk kejohanan seperti ASC dan WSC dan syarikat lain perlu mempunyai komitmen yang sama sepertimana yang ditunjukkan oleh DRB-HICOM/PROTON Holdings Berhad

Sokongan dari pengurusan tertinggi negara di dalam mengarusperdanakan latihan kemahiran di Malaysia juga memainkan peranan untuk meningkatkan pencapaian peserta negara di ASC dan WSC. Park Chung-Hee, Presiden Korea Selatan sendiri telah menyambut dan mengucapkan tahniah kepada kontinjen Korea yang telah berjaya membawa kemenangan kepada negara tersebut pada tahun 1967. Sokongan yang berterusan kepada kontinjen Korea berterusan sehingga kini dan sijil penghargaan dianugerahkan kepada pemenang oleh Presiden Korea Selatan. Semasa berucap di Majlis Meraikan Kemenangan Kontinjen Korea yang bertanding di WSC pada tahun 1967, President Korea Selatan Park Chung-hee menyatakan,

"Winning prizes in various areas of the WorldSkills competition is an occasion to celebrate nationwide and the winners are the pride to Korea. Technical and skilled people like you are a pillar of nation building, and bring us bright hopes for the modernization of Korea. By receiving the spotlight on the global stage, the winners also deliver hope and confidence to many skilled people who are working hard at their workplaces and factories at this moment. I hope that all Korean people celebrate their achievements together and support the young people who try to improve their skills and technologies" (Yi Sung-ki, 2012).

Strategi Malaysia Dalam Pertandingan Kemahiran Peringkat Antarabangsa

Pencapaian Malaysia di ASC agak membanggakan kerana berjaya meraih pingat emas dalam beberapa bidang seperti kecantikan, masakan, teknologi automobil, pemasangan paip, kimpalan, elektronik dan elektrik al sejak tahun 1995 hingga 2012. Namun begitu, strategi Malaysia di WSC masih kurang menyerlah dan perlu ditingkatkan usaha kerana negara masih belum meraih sebarang pingat di WSC walaupun telah menyertai pertandingan kemahiran peringkat dunia ini sejak tahun 1993.

Penyertaan Malaysia di ASC bukan sahaja untuk mengubah mentaliti masyarakat terhadap sektor vokasional. Akan tetapi, ianya juga merupakan agenda untuk meningkatkan kerjasama semua pihak untuk membangunkan tenaga kerja mahir negara yang mana belia Malaysia perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran sebagai pekerja mahir berkelas dunia (Bernama, 2012). Pertandingan ini merupakan pengiktirafan kepada belia, pelajar dan pekerja yang mempunyai kemahiran di dalam bidang teknikal dan vokasional.

Pelbagai usaha dan strategi perlu diberikan perhatian dalam usaha membawa pingat di peringkat antarabangsa khususnya di WSC. Antara strategi yang harus diberikan perhatian merangkumi perkara-perkara berikut:

i. Penerimaan Menggalakkan Masyarakat Terhadap Status Pemenang Pertandingan Kemahiran

Masyarakat perlu disedarkan mengenai kepentingan bidang kemahiran di Malaysia dalam meningkatkan pelaburan negara di samping membangunkan modal insan yang berkemahiran tinggi. Kebanyakan peserta Malaysia yang berjaya memenangi *Medallion For Excellence* di WSC telah berjaya menempatkan diri di pasaran kerja dengan pendapatan yang agak lumayan. Ada di kalangan pemenang ini yang bekerja di Singapura dengan pendapatan yang lebih tinggi dan setimpal dengan kompetensi yang dimiliki. Sekiranya negara Singapura lebih menghargai pekerja yang merupakan pemenang di WSC, seharusnya majikan di Malaysia lebih bersikap terbuka untuk menerima dan menawarkan pekerjaan kepada pemenang. Ini adalah kerana para peserta ini telah menerima latihan secara intensif dalam bidang mereka sama ada di industri mahu pun pusat latihan, mengendalikan peralatan yang digunakan di peringkat dunia dan perancangan latihan dipantau sepenuhnya oleh pakar negara dan jurulatih yang dilantik.

Berdasarkan kepada Laporan Pertandingan 2011, daripada 11 orang peserta yang bertanding di WSC 2011, dua orang menyambungkan pelajaran di peringkat diploma, seorang menjadi perunding kecantikan di Singapura, seorang menjadi usahawan, seorang berkhidmat sebagai jurutera, seorang sebagai pengimpal, seorang sebagai pengajar di institusi latihan kemahiran dan dua orang sebagai pekerja kontrak. Jabatan mengharapkan lebih banyak syarikat atau industri menawarkan peluang pekerjaan dan insentif kepada pemenang ASC dan WSC ini.

ii. Latihan Yang Berstruktur

Perbincangan tentang latihan berstruktur adalah merangkumi kerjasama antara industri yang merangkumi penajaan, hadiah iringan, kepakaran, peralatan, teknologi; tempoh latihan yang relevan; pelantikan kumpulan pakar dan jurulatih juga pembangunan kurikulum yang berasaskan projek ujian WSC.

Kerjasama dan hubungan erat semasa persediaan latihan peserta dengan pihak industri perlu dipertingkatkan. Antaranya adalah dengan mewujudkan kumpulan pakar di kalangan industri yang mempunyai kepakaran teknikal dan pengetahuan dalam bidang tertentu bekerjasama dengan personel yang mahir dalam pertandingan di WSC untuk memantapkan sesi latihan peserta. Sekiranya dahulu, konsep seorang pakar dan seorang jurulatih untuk melatih peserta bagi persediaan ke ASC dan WSC namun kini, kaedah ini tidak boleh dipraktikkan lagi. Ini adalah kerana pengetahuan, kemahiran dan komitmen seseorang individu adalah terbatas jika dibandingkan bekerja secara berkumpulan atau pasukan. Jurulatih dari pakar luar negara juga dilantik untuk melatih peserta Malaysia di WSC sepertimana yang dilaksanakan bagi persediaan peserta di dalam bidang *Hairdressing* ke WSC 2013.

Tempoh latihan persediaan ke ASC dan WSC dengan tempoh latihan yang ideal adalah 1 hingga 2 tahun dengan kerjasama pakar, jurulatih dan personel industri yang terlibat dengan mengambilkira projek ujian, deskripsi teknikal dan senarai infrastruktur yang digunakan semasa pertandingan.

Persediaan latihan yang sistematik memerlukan kerjasama daripada pihak industri. Dengan mengambil kisah dari Rambaldini (Jake) yang merupakan pemenang pingat emas di *SkillsWeld Competition* 2010 dan pemenang pingat gangsa di WSC 2011 merupakan bekas perantis di Doosan Power Systems dalam bidang kimpalan Tahap 3 telah mengucapkan rasa syukur kepada pihak Doosan Power Systems yang menyokong beliau sepanjang pembelajaran, latihan dan persediaan ke WSC. Beliau menyatakan,

"Doosan have been so willing to invest in me and the other apprentices. I felt I was given an excellent opportunity to excel in my trade. It's important for companies to provide this support to help us succeed. The three years of my apprenticeship were hard work but have been extremely rewarding, and I've had great opportunities to take part in various competitions and travel"

(Rambaldini, 2011).



Gambar 7.2:
Aktiviti pertandingan bidang terapi kecantikan dan perkhidmatan restoran
(Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

i. Penawaran Insentif Kepada Pemenang di ASC dan WSC

Pelbagai aspek dan faktor perlu diambil kira dalam perjuangan peserta negara di ASC dan seterusnya di WSC. Sebagai contoh, peserta Korea yang memperolehi pingat di WSC diserapkan ke dalam jawatan sebagai personel teknikal di industri dan dikecualikan dari mengambil Ujian Saringan Teknikal Peringkat Kebangsaan dan pihak Kerajaan Korea Selatan telah membiayai pengajian kepada pemenang yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat kolej dan universiti. Namun dasar seperti ini masih belum dilaksanakan di Malaysia. Dan seandainya peserta yang masih belia ini ditawarkan dengan ganjaran yang lumayan sepertimana yang telah dilaksanakan oleh negara Korea Selatan, ianya dapat meningkatkan motivasi para peserta dan meninggikan daya juang ke tahap maksima.

Jabatan mengiktiraf syarikat/industri yang terlibat dengan penganugerahan *National Industry Partner*, *National Technology Partner* dan *National Training Partner*.

Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu secara Pengiktirafan Khas kepada Pemenang Emas, Perak, Gangsa dan *Medallion For Excellence* di ASC dan WSC dengan penganugerahan Sijil Kemahiran Kemahiran (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM). Ini merupakan insentif yang diberikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran bagi mengiktiraf kompetensi dan kemahiran yang dimiliki oleh peserta ASC dan WSC.

ii. **Pemilihan Peserta Yang Mempunyai Asas Kemahiran Yang Utuh**

Peserta merupakan intipati di dalam pertandingan kemahiran. Pemilihan peserta yang tepat serta mempunyai pengetahuan, kemahiran, sikap yang positif serta sanggup berjuang demi negara di ASC dan WSC merupakan ciri seorang pemenang. Pemilihan peserta dalam pertandingan peringkat antarabangsa adalah terdiri daripada pemenang Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) juga dari kalangan pemenang pertandingan kemahiran yang setara seperti *Culinary Award* anjuran Nestle Malaysia dan sebagainya. Belia Malaysia masih kurang berminat untuk menyertai PKM yang menyebabkan pemilihan peserta yang mempunyai kompetensi dan mahir dalam bidang agak terbatas. Seharusnya pihak agensi latihan awam dan swasta juga pihak industri perlu menyokong dan mempromosikan PKM di kalangan pelajar yang berpotensi agar Malaysia diwakili oleh belia yang berketerampilan dalam bidang kemahiran di ASC dan WSC. Pemenang dari pelbagai pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang setara juga merupakan calon peserta Malaysia ke ASC dan WSC.

iii. **Mewujudkan Alumni dan Pangkalan Data Bekas Pemenang ASC Dan WSC**

Malaysia telah menghantar seramai 117 orang peserta ke WSC dalam pelbagai bidang sejak tahun 1993 namun tidak memanfaatkan bekas peserta ke WSC ini untuk melatih dan membantu semasa proses latihan kepada peserta pelapis. Ketiadaan pangkalan data bagi peserta terdahulu menyukarkan pihak JPK untuk mengenalpasti personel yang pernah terlibat dalam WSC. Cadangan untuk mewujudkan pangkalan data bagi bekas peserta dan pemenang dalam ASC dan WSC dan alumni merupakan langkah permulaan yang perlu dipraktikkan dan disegerakan kerana pengalaman dan kemahiran yang dimiliki oleh bekas peserta Malaysia dalam WSC boleh dijadikan panduan dan pada masa yang sama, bersama-sama dengan pakar negara sedia ada untuk melatih dan memantau latihan kepada peserta pelapis.

iv. **Badan Peneraju Untuk Mempromosikan Latihan Kemahiran Dan Teknikal**

Mewujudkan satu badan peneraju yang bertindak untuk mempromosikan bidang kemahiran dan teknologi di Malaysia dengan menggabungkan promosi dan aktiviti dari sembilan agensi pelaksana sistem latihan teknik dan vokasional (TEVT) di Malaysia. Mengambil contoh pendekatan negara Korea Selatan yang telah menubuhkan *Global Skills Promotion Center* yang merupakan pusat untuk mempromosi bidang kemahiran dan teknologi di samping membantu individu yang mempunyai kompetensi dalam

lapangan kemahiran. Antara aktiviti promosi yang boleh dilaksanakan adalah seminar peringkat kebangsaan dan dunia, menghimpunkan semua bekas peserta ASC dan WSC untuk membentuk satu modul pertandingan, menggabungkan pakar dan jurulatih yang pernah terlibat di pertandingan kemahiran di peringkat antarabangsa, menghimpunkan pakar industri dan syarikat untuk menaja pertandingan dan sumber carian kerja kepada peserta ASC dan WSC.

v. **Mempereratkan Kerjasama Antara Kementerian**

Strategi Samudera Biru atau *Blue Ocean Strategy* (BOS) mencabar syarikat agar keluar daripada kepompong persaingan sengit lautan merah (persaingan sedia ada) dengan mencipta ruang pasaran yang tiada tandingan, yang menjadikannya tidak relevan. Ianya juga adalah tentang peningkatan permintaan dan keluar daripada persaingan dan bukannya membahagikan atau mengecilkan permintaan sedia ada dan menandatangani para pesaing (W Chan Kim et.al, 2011)

Mengamalkan konsep BOS haruslah dijadikan budaya kerja antara agensi dan kementerian tanpa prejudis antara satu sama lain. Antara cadangan kerjasama antara agensi adalah melatih lebih ramai jurulatih yang berkompentensi dalam bidang masing-masing untuk diketengahkan sebagai kumpulan jurulatih, pakar mengikut bidang, memperkenalkan hab latihan kecemerlangan yang mana mempunyai peralatan berteknologi tinggi dan kepakaran yang diperlukan, melantik pakar luar yang boleh berkongsi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang, bersama-sama semasa sesi latihan dan pemantauan latihan peserta juga memberikan ganjaran yang sama rata kepada peserta seperti peluang pekerjaan, peluang untuk melanjutkan pelajaran, insentif wang tunai dan sebagainya.



Gambar 7.3:
Aktiviti pertandingan bidang masakan dan mekatronik (Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran)

Pelan Tindakan Bagi Melahirkan Jaguh Dunia Dalam Kemahiran

Cabaran yang dipikul oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kerja Raya selaku pihak yang mengurusati pertandingan kemahiran dan penyertaan Malaysia di ASC dan WSC perlu diberikan sokongan dan komitmen masyarakat khususnya pelaksana latihan kemahiran. Strategi Malaysia di ASC dan WSC memerlukan pelan tindakan yang fokus untuk melahirkan belia Malaysia yang mempunyai kompetensi tinggi di samping memartabatkan bidang kemahiran di tahap tinggi agar ianya dapat diterima oleh masyarakat khususnya pelajar yang cemerlang di dalam akademik dan ibu bapa. Pelan strategik yang dirancang adalah seperti dalam Jadual 7.1.

Jadual 7.1: Pelan Tindakan Bagi Melahirkan Jaguh Dunia

Bil	Perkara	Pelan Tindakan
a	Penerimaan masyarakat terhadap status pemenang di WSC	1. Mempromosikan dan mewar-warkan peserta yang mewakili Malaysia di ASC/WSC di media massa, media cetak, laman sesawang. 2. Menjalinkan kerjasama dengan syarikat/industri untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada bekas peserta Malaysia di ASC dan WSC. 3. Melantik pemenang di ASC dan WSC sebagai ikon dalam bidang kemahiran.
